

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2019

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
LAPORAN PENGARAH	1 - 21
KENYATAAN PENGARAH	22
AKUAN BERKANUN	22
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	23 - 27
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	28
PENYATA PENDAPATAN	29
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	30
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	31 - 32
PENYATA ALIRAN TUNAI	33 - 35
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	36 - 124

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan suacitanya mengemukakan kepada para ahli laporan serta penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

AKTIVITI UTAMA

Kumpulan dan Syarikat terlibat secara utamanya dalam penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan besar dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	<u>Kumpulan</u> RM'000	<u>Syarikat</u> RM'000
Keuntungan bagi tahun yang berpunca daripada		
- Pemilik Syarikat	117,518	111,602

DIVIDEN

Jumlah dividen yang diisyiharkan dan dibayar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018:	
Dividen akhir dibayar pada 28 Jun 2019	66,210

Para pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen berhubung tahun kewangan semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan ketara ke atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan dinyatakan di dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa peruntukan yang memadai telah dibuat untuk liabiliti insurans mengikut kaedah penilaian seperti yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi penanggung insurans.

HUTANG LAPUK DAN RUGI

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa tindakan yang wajar telah diambil berhubung rosot nilai penuh hutang lapuk dan penyediaan peruntukan rosot nilai dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dirosot nilai sepenuhnya dan bahawa peruntukan yang memadai telah dibuat untuk hutang rugu.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

HUTANG LAPUK DAN RUGI (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan amaun yang dirosot nilai untuk hutang lapuk atau amaun peruntukan untuk rosot nilai dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjuk dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang dijangka akan direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai-nilai yang berkaitan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat sebagai mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari mengenai sebarang keadaaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun berkenaan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak, atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen berhubung Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun berkenaan selain daripada apa yang dinyatakan pada Nota 34 kepada penyata kewangan.

Tiada kontingen atau liabiliti lain Kumpulan dan Syarikat yang telah perlu dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun yang pada pendapat para Pengarah akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila timbul.

Bagi tujuan perenggan ini, kontingen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak insurans yang ditajajamin dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan dan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang belum ditangani dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai salah nyata.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA BERSIFAT LUARBIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan ini, tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat matan dan luar biasa.

Dalam selang masa antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat matan dan luar biasa, yang pada pendapat para Pengarah, mungkin boleh menjelaskan sebahagian besar keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibentangkan.

MODAL SAHAM

Tiada saham baru yang diterbitkan oleh Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa.

TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat telah menetapkan rangka kerja dan amalan tadbir urus selaras dengan keperluan dokumen polisi Tadbir Urus Korporat (“Dokumen Polisi”), yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) pada 3 Ogos 2016 dan secara berterusan meningkatkan piawaian tadbir urus Syarikat secara keseluruhan.

1. Tanggungjawab Lembaga

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) bertanggungjawab secara keseluruhan untuk menggalakkan pertumbuhan mampan dan kekuahan kewangan Syarikat, dan untuk memastikan piawaian dagangan wajar yang munasabah, tanpa pengaruh mana-mana pihak.

Ini termasuk pertimbangan mengenai implikasi jangka panjang keputusan Lembaga ke atas Syarikat dan pelanggannya, para pegawai dan orang awam. Dalam memenuhi peranan ini, Lembaga hendaklah:

- a) meluluskan selera risiko, rancangan perniagaan dan inisiatif lain yang akan, secara bersendirian atau secara kumulatif, mempunyai kesan ketara ke atas Kumpulan dan profil risiko Syarikat;
- b) menyelia pemilihan, prestasi, ganjaran dan pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”), ketua-ketua fungsian kawalan dan lain-lain Ahli Pengurusan Kanan, setakat Lembaga berpuas hati dengan kecekapan kolektif Pengurusan Kanan dalam memimpin operasi Syarikat secara berkesan;
- c) mengawasi pelaksanaan rangka kerja tadbir urus dan kawalan dalaman Syarikat, dan menyemak secara berkala sama ada ianya masih kekal sesuai memandangkan perubahan ketara kepada saiz, jenis dan kekompleksan operasi Syarikat;
- d) bekerjasama dengan pihak Pengurusan Kanan, dalam menggalakkan budaya korporat yang mantap dalam Syarikat yang memperkuuhkan tatalaku beretika, berhemah dan profesional;
- e) mengutarakan kemampuan melalui pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus dalam strategi perniagaan Syarikat;

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

1. Tanggungjawab Lembaga (sambungan)
 - f) menyelia dan meluluskan pemulihan dan resolusi serta pelan kesinambungan perniagaan bagi Syarikat untuk memantapkan kedudukan kewangannya, dan mengekalkan atau memelihara operasi dan perkhidmatan kritikal sekiranya ia mengalami tekanan; dan
 - g) menggalakkan komunikasi yang menepati masa dan berkesan di antara Syarikat dan badan kawal selia yang berkaitan mengenai perkara-perkara yang menjelaskan atau yang boleh menjelaskan keselamatan dan kemantapan Syarikat.
2. Komposisi Lembaga

Lembaga Pengarah terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bebas dan satu (1) Pengarah Eksekutif, masing-masing dari pelbagai latar belakang dan kelayakan dan memiliki pengalaman kewangan dan komersil yang luas. Secara kolektif, mereka menyediakan kepintaraan, pengetahuan, keupayaan dan kompetensi perniagaan yang diperlukan oleh Syarikat.

Tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam Syarikat.

Para Pengarah Bebas akan berkhidmat selama tempoh tidak melebihi sembilan (9) tahun.

<u>Ahli-ahli Lembaga</u>	<u>Status Para Pengarah</u>
Dato' Zainal Abidin bin Putih	Pengerusi, Pengarah Bebas
Yip Jian Lee	Pengarah Bebas
Yeoh Chong Keng	Pengarah Bebas
Tham Saloon (<i>dilantik pada 5 Julai 2019</i>)	Pengarah Eksekutif*
Shinkichi Miki (<i>meletak jawatan pada 5 Julai 2019</i>)	Pengarah Eksekutif

* Seiring kedudukan pengurusan beliau di syarikat induk Syarikat, Tokio Marine Asia Pte Ltd, ('TMA'), status pengarah Encik Tham Saloon telah ditetapkan sebagai Pengarah Eksekutif selaras dengan keperluan Dokumen Polisi.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

3. Profil dan Latihan Para Pengarah

Para Pengarah baru yang dilantik akan dimaklumkan mengenai tugas dan kewajipan berkanun mereka dan akan diberikan Program Orientasi dan Pendidikan Dalaman yang merangkumi pembentangan oleh ahli-ahli pengurusan kanan. Syarikat menganjurkan latihan dalaman secara lanjutan bagi para Pengarah untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terbaru yang mempengaruhi industri insurans am dan Syarikat, di antara lain, topik-topik yang berkaitan dengan perundangan baru.

Syarikat menggalakkan pembangunan profesional yang berterusan bagi manfaat para Pengarah. Para Pengarah juga diberikan maklumat terkini mengenai sebarang isu polisi, perubahan pentadbiran dan pembangunan kawal selia terbaru yang sewajarnya. Syarikat menyediakan sumber bagi para Pengarah untuk menerima pengetahuan di mana-mana bidang kepentingan.

Dato' Zainal Abidin Bin Putih
Pengerusi, Pengarah Bebas
Lelaki 74, Warganegara Malaysia

Tarikh Pelantikan Pertama: 7 Mac 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga:

- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan
- Ahli Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Dato' Zainal Abidin Putih, berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun dari Institut Akauntan Berkanun di England and Wales (ICAEW). Beliau adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Dato' Zainal Abidin mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang audit, memandangkan beliau telah bekerja sebagai akauntan sepanjang kerjayanya, merangkumi pelbagai industri utama termasuk perbankan, insurans, tenaga, pengangkutan, pengilangan, agensi-agensi kerajaan, perladangan, harta tanah, perhotelan, syarikat pelaburan dan unit amanah. Beliau mempunyai pengetahuan kerja yang mendalam dalam hal-hal percukaian dan perundingan pengurusan, terutamanya dalam bidang perolehan, pengambilalihan, percantuman, penyusunan semula dan penyeraaan awam syarikat.

Dato' Zainal memainkan peranan yang aktif dalam hal-hal kemasyarakatan dan dunia korporat, beliau merupakan bekas Presiden Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Pengerusi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Beliau juga merupakan bekas ahli Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia, sebuah badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawasi perkembangan mapan industri multimedia dan telekomunikasi di Malaysia dan juga bekas Pengerusi Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Dato' Zainal adalah Pengerusi CIMB Bank Berhad, Dutch Lady Milk Industries Berhad, Land & General Berhad dan Touch n' Go Sdn Bhd. Beliau juga menganggotai lembaga pengarah Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad dan juga beberapa syarikat swasta dan bertindak sebagai Pemegang Amanah Yayasan Institut Jantung Negara dan Yayasan Universiti Multimedia.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

3. Profil dan Latihan Para Pengarah (sambungan)

Dato' Zainal Abidin Bin Putih (sambungan)

Latihan-latihan dan Persidangan yang dihadiri sepanjang tahun kewangan:

Tarikh Latihan	Latihan / Persidangan	Penganjur Program Latihan / Persidangan
30 Januari 2019	Taklimat CIMB Tech 1on 1 bagi Jawatankuasa Audit CIMBGH/CIMBG	CIMB
27 Mac 2019	Laporan Tahunan BNM 2018/Taklimat Laporan Kestabilan Kewangan & Sistem Pembayaran 2018	BNM
20 Ogos 2019	Bengkel Postur Risiko CIMB 2020	CIMB
22 dan 23 Ogos 2019	Sesi Perkongsian Pengarah Serantau Ke-3	CIMB
1 dan 2 Oktober 2019	Sidang Kemuncak The Cooler Earth Sustainability	CIMB
7 dan 8 Oktober 2019	Forum Khazanah Megatrends 2019: Pembangunan Minda Kolektif	KHAZANAH
9 Oktober 2019	Memahami Fintech dan Implikasinya ke atas Syarikat-syarikat Insurans	FIDE

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

3. Profil dan Latihan Para Pengarah (sambungan)

Yip Jian Lee

Pengarah Bebas

Wanita 65, Warganegara Malaysia

Tarikh Pelantikan Pertama: 1 Mac 2013

Keahlian Jawatankuasa Lembaga:

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Cik Yip berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun dengan Institut Akauntan Berkanun, England & Wales pada tahun 1981, dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia sejak tahun 1984. Beliau menamatkan 'articleship' beliau dengan Hays Allan, United Kingdom di antara tahun 1977 dan 1982.

Beliau pernah berkhidmat dengan Pricewaterhouse Tax Services Sdn Bhd dan Hong Leong Assurance Berhad di dalam bidang percuaihan, perakaunan dan pentadbiran. Beliau kemudiannya menyertai Institut Bank-Bank Malaysia pada tahun 1985 sebagai Pengarah di mana beliau berkhidmat selama 15 tahun.

Cik Yip telah berkhidmat sebagai Pemegang Amanah dan Bendahari Kehormat World Wild Life Fund Malaysia bagi tempoh maksimum 12 tahun, dari 1996 hingga 2009. Di antara tahun 1986 dan 1996, beliau juga merupakan Setiausaha Kehormat kepada Persatuan Malaysia-British. Beliau juga pernah berkhidmat di dalam lembaga Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad dan Northport Berhad.

Beliau adalah ahli Lembaga Asia General Asset Bhd, Carimin Petroleum Berhad dan Golf Profesional Malaysia.

Latihan-latihan dan Persidangan yang dihadiri sepanjang tahun kewangan:

Tarikh Latihan	Latihan / Persidangan	Penganjur Program Latihan / Persidangan
13 Mac 2019	PowerTalk # 3: Meninjau Kesalahfahaman Berkaitan Imbuhan Lembaga	Institut Pengarah Korporat Malaysia
23 Mei 2019	Pindaan-pindaan Utama Terhadap Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad Berkaitan dengan Kewajiban Pendedahan Berterusan Dan Pindaan-pindaan Lain	Cospec Management Services Sdn. Bhd
27 Jun 2019	Keselamatan Siber Lembaga - <i>Accelerating from Acceptance to Action</i>	Deloitte Risk Advisory/Cyber Risk

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

3. Profil dan Latihan Para Pengarah (sambungan)

Yeoh Chong Keng

Pengarah Bebas

Lelaki 68, Warganegara Malaysia

Tarikh Pelantikan Pertama:

7 Mac 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga:

- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan
- Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Ganjaran

Encik Yeoh Chong Keng adalah seorang peguam dan diterima sebagai Utter Barrister, Lincoln Inn, Bar of England dan Wales pada tahun 1980. Beliau telah diterima sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1981. Sebelum menghadiri kursus undang-undang, beliau telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai pegawai kanan di Polis DiRaja Malaysia.

Sejak tahun 1992, beliau berfungsi sebagai Rakan Pengurusan sebuah firma guaman di Kuala Lumpur. Beliau juga telah mewakili syarikat-syarikat dan institusi-institusi kewangan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Selain itu, beliau juga bertindak sebagai peguam bagi Kerajaan Hong Kong dalam beberapa kes. Beliau merupakan pakar di dalam perundungan corporate dan perbankan serta dasar-dasar Kerajaan.

Beliau telah memegang jawatan pengarah, jawatankuasa-jawatankuasa audit, ganjaran, pencalonan dan jawatankuasa risiko di dalam beberapa syarikat tersenarai awam dan syarikat milik asing di Malaysia.

Beliau adalah seorang Notari Awam, Pesuruhjaya Sumpah, seorang pengantara yang berkelayakan dan seorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Lembaga Tatatertib, Majlis Peguam Malaysia.

Latihan-latihan dan Persidangan yang dihadiri sepanjang tahun kewangan:

Tarikh Latihan	Latihan / Persidangan	Penganjur Program Latihan / Persidangan
1 Mac 2019	"Let's Get Real" berkaitan Anti Rasuah	ICLIF – Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF
18 April 2019	Transformasi Perniagaan	Axcelasia Columbus Sdn Bhd
3 Mei 2019	Tadbir Urus Korporat "Apakah Kedudukan Malaysia"	ICLIF – Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

3. Profil dan Latihan Para Pengarah (sambungan)

Tham Saloon

Pengarah Eksekutif *

Lelaki 56, Warganegara Malaysia

Tarikh Pelantikan Pertama: 5 Julai 2019

Keahlian Jawatankuasa Lembaga:

- Ahli Jawatankuasa Pencalonan

* Seiring dengan kedudukan pengurusan beliau di syarikat induk Syarikat, TMA, status pengarah Encik. Tham Saloon telah ditetapkan semula kepada Pengarah Eksekutif selaras mematuhi keperluan Dokumen Polisi.

Encik Tham Saloon merupakan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") TMA di Singapura dan bertanggungjawab mengetuai operasi hayat dan bukan hayat di tujuh (7) negara. Beliau menyertai Kumpulan Tokio Marine sebagai Timbalan CEO TMA.

Encik Tham Saloon berkelayakan aktuari dan ahli Society of Actuaries di Amerika Syarikat dan Institut Aktuari Kanada. Beliau juga merupakan ahli American Academy of Actuaries (MAAA), USA, 1994 dan Penajajamin Hayat Bertauliah.

Encik Tham Saloon adalah eksekutif insurans yang berpengalaman lebih 30 tahun dan fasih dalam berbilang bahasa. Pengalamannya merentasi 9 negara/rantauan (Kanada, Amerika Syarikat, Taiwan, Indonesia, Filipina, China, Hong Kong, Singapura dan Thailand), di mana beliau menjawat pelbagai peranan eksekutif merangkumi Ketua Pegawai Kewangan ke Ketua Pegawai Eksekutif secara tempatan dan perantauan. Encik Tham Saloon mempunyai pengalaman dan pengetahuan antarabangsa meluas meliputi bidang insurans, aktuari, kewangan, pelaburan dan pemasaran, perancangan korporat, perniagaan baru dan penajajaminan. Beliau juga berpengalaman dalam projek Greenfield serta pengurusan operasi yang besar. Beliau telah dengan jayanya mengetuai dua perjanjian M&A pada tahun 2010. Sebelum menyertai Tokio Marine, beliau berpusat di Bangkok dan Los Angeles.

Latihan-latihan dan Persidangan yang dihadiri sepanjang tahun kewangan:

Tarikh Latihan	Latihan / Persidangan	Penganjur Program Latihan / Persidangan
8 Mac 2019	Anti Rasuah dan Anti Sogokan (Asia Pasifik)	TMA-Governance
8 Mac 2019	Percanggahan Kepentingan (Global)	TMA-Governance
29 Mei 2019	Maklumat dan Kesedaran Risiko Siber (Global)	TMA-Governance
24 Jun 2019	Perdagangan Orang Dalam	TMA-Governance
7 Oktober 2019	Mencegah Jenayah Kewangan dalam Insurans (Global)	TMA-Governance
7 Oktober 2019	Tatakelakuan Global	TMA-Governance

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

4. Mesyuarat Lembaga

Semasa tahun kewangan, Lembaga telah bermesyuarat tujuh (7) kali untuk membincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting yang memerlukan panduan dan kelulusannya. Kehadiran para Pengarah bagi tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

<u>Nama Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat Lembaga Diadakan</u>	<u>Bil. Mesyuarat Lembaga Dihadiri</u>
Dato' Zainal Abidin bin Putih	7	7
Yip Jian Lee	7	7
Yeoh Chong Keng	7	7
Tham Saloon (dilantik pada 5 Julai 2019)	7	3*

Nota:

* Encik Tham Saloon telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 5 Julai 2019 dan beliau telah menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat yang telah diadakan selepas pelantikannya sebagai Pengarah.

Para Pengarah telah mematuhi nisbah kehadiran minimum yang diperlukan, iaitu sebanyak 75%,

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga

Selaras dengan pematuhan Dokumen Polisi, Lembaga telah menubuhkan empat (4) Jawatankuasa Lembaga yang beroperasi di bidang tugas yang diluluskan oleh Lembaga, bagi membantu Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Jawatankuasa Lembaga mempunyai kuasa untuk mengkaji isu-isu tertentu dan melaporkannya kepada Lembaga dengan pemerhatian dan cadangan mereka. Bagaimanapun, tanggungjawab mutlak bagi membuat keputusan mengenai semua perkara terletak pada keseluruhan Lembaga.

a) Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC")

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) menyokong Lembaga Pengarah dalam pemantauan pengurusan risiko secara keseluruhan Syarikat dalam memastikan keberkesanan dan kecukupan proses dan amalan pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Syarikat.

Tanggungjawab utama RMC adalah untuk mengesyorkan sebuah rangka kerja pengurusan risiko yang mantap dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko bagi kelulusan Lembaga serta bagi menyediakan penilaian keseluruhan terhadap kecukupan infrastruktur pelaporan risiko Syarikat termasuk sumber dan sistem sokongan dalam penggalakan sebuah budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) terdiri daripada para Pengarah Bebas berikut. Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan dengan kehadiran ahli-ahli RMC seperti berikut:-

<u>Nama Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat RMC Diadakan</u>	<u>Bil. Mesyuarat RMC Dihadiri</u>
Yeoh Chong Keng - Pengerusi RMC	4	4
Yip Jian Lee	4	4
Dato' Zainal Abidin bin Putih	4	4

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)
- b) Jawatankuasa Audit ("AC")

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ("AC") ialah membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkanunnya berkaitan amalan-amalan perakaunan dan pelaporan Kumpulan dan Syarikat serta memastikan keberkesanan kawalan-kawalan dalam yang digunakan oleh Pengurusan. Jawatankuasa Audit berfungsi mengikut Bidang Tugas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama berikut:

- i. untuk mengkaji dan meluluskan rancangan audit, skop dan laporan audit juruaudit luar dan dalaman tentang penilaian mereka terhadap sistem kawalan-kawalan dalaman Syarikat;
- ii. untuk mengkaji keputusan audit dan sama ada ada tindakan sewajarnya telah diambil ke atas cadangan-cadangan yang diberikan oleh juruaudit luar dan dalaman;
- iii. untuk mengkaji kualiti audit yang dilaksanakan oleh juruaudit luaran dan membuat cadangan-cadangan berkenaan pelantikan, penamatkan tugas dan ganjaran juruaudit luar, dan untuk mempertimbangkan pencalonan juruaudit luaran;
- iv. untuk memberi jaminan bahawa maklumat kewangan yang dikemukakan oleh pengurusan adalah relevan, boleh dipercayai dan tepat pemasanya;
- v. untuk menyelia kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan serta amalan tatakelakuan yang sewajarnya dan
- vi. untuk menetapkan kualiti, kecukupan dan keberkesanan suasana kawalan dalaman Syarikat.

Ganjaran yang dibayar dan perlu dibayar kepada juruaudit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah RM304,290 (2018: RM304,290). Bayaran untuk perkhidmatan lain yang disediakan termasuk yuran perundingan untuk tinjauan kertas teknikal, yuran perundingan untuk penilaian khusus mengenai caj antara syarikat dan perkhidmatan bukan audit dinyatakan dalam Nota 23 penyata kewangan.

Jawatankuasa Audit terdiri daripada para Pengarah Bebas berikut. Sebanyak enam (6) mesyuarat AC telah diadakan sepanjang tahun kewangan dengan kehadiran ahli-ahli AC seperti berikut:-

<u>Nama Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat AC Diadakan</u>	<u>Bil. Mesyuarat AC Dihadiri</u>
Yip Jian Lee - Penggerusi AC	6	6
Dato' Zainal Abidin bin Putih	6	6
Yeoh Chong Keng	6	6

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)
- c) Jawatankuasa Pencalonan ("NC")

Jawatankuasa Pencalonan ("NC") diamanahkan dengan tanggungjawab mencadangkan calon-calon baru untuk dilantik ke Lembaga Pengarah dalam memastikan pencalonan Pengarah-pengarah baru adalah demi kepentingan terbaik Syarikat dan pemegang saham. Ia menilai kesesuaian calon-calon baru, dengan mengambil kira kelayakan profesional, integriti, pengalaman perniagaan kewangan dan komersil serta kepakaran mereka yang berkaitan dengan Syarikat yang berpotensi untuk melengkapkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran Lembaga.

NC juga membuat cadangan-cadangan kepada Lembaga mengenai pencalonan memenuhi Jawatankuasa Lembaga dan isu pelantikan semula Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Dalam menimbang pelantikan semula, NC akan mengambil kira kehadiran pengarah dan penyertaan dalam mesyuarat, kepakaran dan komitmen, serta sumbangan mereka semasa perbincangan Lembaga Pengarah dan keberkesanan Lembaga.

Selain daripada mencadangkan pelantikan/pelantikan semula Pengarah baru/sedia ada, NC juga bertanggungjawab menyarankan dan menilai calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pelantikan semula CEO. NC juga mengawasi pelantikan dan perancangan penggantian pengurusan Jawatankuasa Eksekutif Syarikat.

NC bertanggungjawab menyelia penilaian prestasi CEO dan ahli Jawatankuasa Eksekutif. Apabila ianya boleh diguna pakai dan selaras dengan Dokumen Polisi, saranan-saranan NC berkaitan CEO dan ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif akan dibuat selepas mengambil kira input daripada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa AC dan RMC.

NC juga bertanggungjawab untuk memastikan semua Kaktangan Bertanggungjawab Utama ("KRP") memenuhi keperluan kelayakan dan kesesuaian selaras dengan dasar KRP.

Jawatankuasa NC terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bebas dan satu (1) Pengarah Eksekutif. Sebanyak lima (5) mesyuarat NC telah diadakan sepanjang tahun kewangan dengan kehadiran Ahli-ahli NC seperti berikut:-

<u>Nama Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat NC Diadakan</u>	<u>Bil. Mesyuarat NC Dihadiri</u>
Yeoh Chong Keng - Pengerusi NC, Pengarah Bebas	5	5
Tham Saloon - Pengarah Eksekutif	5	1*
Dato' Zainal Abidin Bin Putih - Pengarah Bebas	5	5
Yip Jian Lee - Pengarah Bebas	5	5

Nota:

* Encik Tham Saloon telah dilantik ke NC pada 5 Julai 2019 dan beliau telah menghadiri mesyuarat yang telah diadakan selepas pelantikannya sebagai ahli NC.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)
d) Jawatankuasa Ganjaran ("RC")

Tanggungjawab utama RC ialah untuk menentukan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, struktur dan dasar ganjaran, termasuk syarat-syarat pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli-ahli pengurusan kanan, dan untuk memastikan bahawa hubungan yang kukuh dikekalkan di antara tahap ganjaran dan prestasi individu dengan matlamat yang dipersetujui mengenai pakej ganjaran.

Jawatankuasa Ganjaran mengkaji semula yuran Pengarah secara berkala dan mengemukakan cadangan bagi kelulusan Lembaga Pengarah. Tiada pengarah terlibat dalam penentuan ganjarannya sendiri.

Pengarah Bebas dibayar yuran Pengarah yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah bagi kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Jawatankuasa RC terdiri daripada para Pengarah Bebas berikut. Sebanyak empat (4) mesyuarat RC telah diadakan sepanjang tahun kewangan dengan kehadiran ahli-ahli RC seperti berikut:-

<u>Nama Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat RC Diadakan</u>	<u>Bil. Mesyuarat RC Dihadiri</u>
Yip Jian Lee - Pengerusi RC	4	4
Dato' Zainal Abidin Bin Putih	4	4
Yeoh Chong Keng	4	4

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)
- d) Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

Dasar Ganjaran

Objektif dan Ciri-ciri Utama

Objektif Dasar Ganjaran adalah untuk memudahkan penarikan, penglibatan dan pengekalan para Pengarah, CEO dan pegawai-pegawai kanan yang berkeupayaan menyediakan kemahiran dan pengalaman selaras dengan keperluan dan sepadan dengan tanggungjawab pengurusan yang berkesan dan operasi Syarikat. Di samping itu, ia bertujuan mengimbangi pengurusan dana Syarikat dan tidak berlebihan dan tidak menggalakkan perbuatan tidak berhemat, tidak mapan atau tidak beretika dalam pengurusan Syarikat. Ia mengambil kira budaya dan nilai-nilai korporat Syarikat, objektif dan strategi perniagaan serta kepentingan jangka panjang.

Ciri-ciri utama dasar ini adalah untuk menentukan bahawa ganjaran Syarikat adalah berdaya saing dengan industri insurans dan akan memantapkan ciri-ciri yang dikehendaki dalam Syarikat. Dasar ganjaran mempunyai komponen tetap dan komponen pemboleh ubah. Komponen tetap terdiri daripada gaji tetap asas, elaun dan manfaat lain yang setimpal dengan kedudukan dan skop tanggungjawab kakitangan manakala komponen pemboleh ubah ditentukan menerusi prestasi Syarikat terhadap kriteria yang ditetapkan, prestasi setiap kumpulan berfungsi dan prestasi individu. Di samping itu, komponen pemboleh ubah mempunyai hubungan terus kepada tempoh kebanyakan risiko yang ditaja jamin oleh Syarikat.

Dasar ganjaran Syarikat disemak secara berkala dan dikemas kini sekiranya perlu, untuk memastikan keberkesanannya dan objektivitinya.

Skop

Skop Dasar Ganjaran ini diguna pakai terhadap Syarikat, yang mengendalikan perniagaannya di Malaysia sahaja.

Syarikat mengkategorikan pegawai kanannya kepada dua kategori; pegawai kanan yang dilantik ke dalam Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) (secara kolektif dirujuk sebagai "Ahli-ahli EXCO"), yang merupakan jawatankuasa pembuat keputusan tertinggi di peringkat pengurusan dan kategori lain adalah pegawai-pegawai kanan, walaupun bukan ahli-ahli EXCO, mereka boleh melaksanakan atau mengawal jumlah besar sumber Syarikat atau tindakan-tindakan mungkin memberikan kesan kepada profil risiko (secara kolektif dirujuk sebagai "Kakitangan Bertanggungjawab Utama").

Para pegawai yang mempunyai langkah kawalan diukur secara berbeza dalam menentukan ganjaran mereka. Pengukuran mereka tidak mengambil kira pendapatan atau langkah kewangan. Bergantung kepada peranan mereka, mereka boleh diukur atas keberkesanannya langkah-langkah kawalan yang ditanggung oleh mereka.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)

d) Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

Dasar Ganjaran (sambungan)

Ahli-ahli EXCO

- Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (“DCEO”)
- Penasihat Eksekutif
- Ketua Pegawai Agensi
- Ketua Pegawai Tuntutan
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Maklumat
- Ketua, Sumber Manusia
- Pengurus Besar, Pemasaran Korporat
- Pengurus Besar, Perancangan Korporat
- Ketua, Operasi Dasar & Perkhidmatan Pelanggan
- Pengurus Besar, Pemegang Francais & Peniaga Motor

Kakitangan Bertanggungjawab Utama Lain

- Ketua Pegawai Risiko & Pematuhan (“CRCO”)
- Ketua Audit Dalaman
- Pengurus Besar, Aktuari

Risiko

Risiko-risiko utama yang diambil kira apabila menentukan langkah-langkah pampasan termasuk:

Risiko Tenaga Manusia: Penarikan, penglibatan dan pengekalan modal insan yang diperlukan
Dalam usaha untuk memastikan penarikan, penglibatan dan pengekalan modal insan yang diperlukan, tahap ganjaran dibentuk supaya berdaya saing. Oleh itu, tahap ganjaran akan berubah dengan keadaan di pasaran buruh, dan secara umumnya tahap penanda aras telah meningkat pada tahun kewangan dengan kadar gaji yang semakin meningkat dalam industri.

Risiko insurans: Prestasi Risiko Insurans

Ganjaran pekerja dihitung dengan mengambil kira tahap dibawa risiko kerugian daripada risiko insurans yang ditaja jamin oleh Syarikat, mengaitkan prestasi dan komponen pemboleh ubah Syarikat kepada prestasi perealisasian risiko ini berbanding tempoh yang ditetapkan. Tahap ganjaran akan menurun sekiranya risiko-risiko ini meningkat dalam tahun kewangan dan juga sebaliknya. memandangkan sejarah tuntutan semakin merosot dalam tahun kewangan, ganjaran akan dikurangkan sewajarnya.

Prestasi dan Ganjaran

Amalan ganjaran bagi kakitangan dikaitkan dengan prestasi Syarikat.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)

d) Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

Dasar Ganjaran (sambungan)

Prestasi dan Ganjaran (sambungan)

Prestasi Syarikat mengambil kira metrik kewangan (seperti hasil, prestasi penajajaminan dan keuntungan), risiko dan metrik pematuhan dan metric pelanggan dan metric produktiviti. Lembaga Pengarah menetapkan sasaran metrik Syarikat untuk tahun ini dan kesan yang sepadan ke atas ganjaran yang berkait dengan prestasi. Metrik ini digunakan untuk menentukan prestasi Syarikat, sama ada ia adalah kukuh, boleh diterima atau lemah serta kesan yang sepadan ke atas boleh ubah ganjaran bagi eksekutif. Memandangkan ganjaran boleh ubah seorang kakitangan dipengaruhi dengan ketara oleh metrik prestasi Syarikat, oleh itu, sekiranya prestasi Syarikat adalah baik, ganjaran boleh ubah kakitangan akan meningkat dan sebaliknya.

Di samping prestasi Syarikat, ganjaran boleh ubah kakitangan ditentukan oleh prestasi kumpulan individu dan prestasi peribadi individu dan sumbangan keseluruhan kepada Syarikat. Ini menggalakkan kerjasama di dalam Syarikat dan secara berpasukan dalam menyampaikan keutamaan fungsian Syarikat selain daripada prestasi dan sumbangan peribadi.

Komponen Pemboleh Ubah Ganjaran

Memandangkan risiko perniagaan Syarikat secara umumnya adalah jangka pendek, Syarikat tidak mempunyai skim ganjaran pemboleh ubah tertunda pada tahun kewangan ini.

Syarikat biasanya menggunakan bonus tunai pemboleh ubah tahunan bagi pegawai-pegawai kanannya, di mana jumlahnya ditentukan oleh prestasi Syarikat berhubung dengan metrik prestasi yang ditetapkan. Nisbah bayaran pemboleh ubah kepada gaji tetap secara umumnya sama bagi kesemua kakitangan di seluruh organisasi, kecuali bagi CEO di mana komponen gaji pemboleh ubah yang lebih tinggi ditetapkan, tertakluk kepada prestasi Syarikat.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)

d) Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

Dasar Ganjaran (sambungan)

Komponen Pemboleh Ubah Ganjaran (sambungan)

Ganjaran yang dibayar dan terakru kepada ahli Lembaga Pengarah, CEO, Ahli-ahli EXCO dan Kakitangan Bertanggungjawab Utama sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dinyatakan di dalam jadual berikut.

Nama	Pengarah / Jawatan	Berasaskan tunai RM'000	Ganjaran Tetap			Ganjaran Boleh Ubah			Jumlah nilai ganjaran bagi tahun kewangan RM'000
			Saham dan instrumen berkait saham RM'000	Lain-lain RM'000	Berasaskan tunai RM'000	Saham dan instrumen berkait saham RM'000	Lain-lain RM'000		
Dato' Zainal Abidin Bin Putih	Pengerusi / Pengarah	110	-	-	5	-	-	115	
Yeoh Chong Keng	Pengarah	90	-	-	5	-	-	95	
Yip Jian Lee	Pengarah	100	-	-	5	-	-	105	
Shinkichi Miki	Pengarah Eksekutif	33	-	-	1	-	-	34	
Saloon Tham	Pengarah Eksekutif	-	-	-	-	-	-	-	
Ng Hang Ming	Ketua Pegawai Eksekutif	1,253	-	28	448	-	-	1,729	
Kategori	Bilangan Ahli	Berasaskan tunai RM'000	Ganjaran Tetap			Ganjaran Boleh Ubah			Jumlah nilai ganjaran bagi tahun kewangan RM'000
			Saham dan instrumen berkait saham RM'000	Lain-lain RM'000	Berasaskan tunai RM'000	Saham dan instrumen berkait saham RM'000	Lain-lain RM'000		
EXCO	11	5,811	-	442	1,112	-	-	7,365	
Kakitangan Bertanggungjawab Utama	3	1,541	-	-	305	-	-	1,846	

Ganjaran anggota EXCO dan lain-lain pegawai-pegawai utama di atas telah diprоратakan berdasarkan tarikh perlantikan/penamatian masing-masing daripada EXCO atau apabila mereka dikategorikan/dinyahkategorikan sebagai Pegawai Bertanggungjawab Utama.

Tiada ganjaran tetap tertunda, saham dan instrumen berkaitan saham dibayar dan terakru kepada ahli Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif, Ahli-ahli EXCO dan Kakitangan Bertanggungjawab Utama pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

5. Jawatankuasa Lembaga (sambungan)
- d) Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)
Dasar Ganjaran (sambungan)

Perlindungan kepada Para Pengarah dan Pegawai

Sepanjang tahun kewangan, jumlah insurans perlindungan dan premium insurans yang dibayar kepada para Pengarah dan pegawai-pegawai tertentu Syarikat masing-masing berjumlah RM20 juta dan RM43,258.

6. Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Rangka Kerja Pengurusan risiko Syarikat terdiri daripada sebuah proses berterusan bagi tujuan mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko besar yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi-fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan yang merangkumi semua tahap kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat dikendalikan secara yang berkesan dan cekap. Proses ini disokong oleh sebuah sistem maklumat yang boleh dipercayai yang meliputi semua aktiviti perniagaan penting.

Penilaian berterusan terhadap keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas terhadap kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan, jika perlu, diambil tepat pada masanya.

Tanggungjawab Lembaga

Lembaga Pengarah memperakui akan kepentingan pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan untuk melindungi asset Syarikat serta kepentingan pemegang saham. Jawatankuasa Lembaga Pengarah, terutamanya Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit telah diwakilkan dengan tanggungjawab untuk menetapkan hala tuju dan memastikan bahawa pengurusan kanan mempunyai ke semua sistem, proses dan sumber yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan, kecukupan dan integriti persekitaran kawalan Syarikat secara keseluruhan.

Skop tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit terbenam dalam piagam masing-masing; bagaimanapun Lembaga secara keseluruhan masih bertanggungjawab ke atas sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

Lembaga Pengarah juga memperakui bahawa walaupun sistem kawalan yang direka untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko perniagaan dan lain-lain risiko utama yang berkaitan, mereka tidak boleh sama sekali menghapuskan ke semua risiko dan tidak boleh memberi jaminan yang mutlak terhadap salah nyata atau kerugian, penipuan atau pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan.

Audit Dalam

Jabatan Audit Dalam ("IA"), yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam ("CIA"), telah ditubuhkan untuk memberikan penilaian terhadap keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang meliputi pemeriksaan bebas kawalan dan memastikan tindakan pembetulan diambil, mengikut pemasaran yang tepat.

CRCO dan CIA juga menyertai mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bulanan untuk mendapatkan maklumat terkini aktiviti perniagaan terkini Syarikat dan memberi input berkaitan risiko perniagaan dan kawalan dalaman di mana perlu.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM

Pengarah yang telah memegang jawatan sejak dari tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Dato' Zainal Abidin bin Putih
Yip Jian Lee
Yeoh Chong Keng
Shinkichi Miki (*meletak jawatan pada 5 Julai 2019*)
Tham Saloon (*dilantik pada 5 Julai 2019*)

Menurut Tataurusan Persatuan Syarikat, Encik Yeoh Chong Keng akan bersara pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dan oleh kerana beliau layak, telah menawarkan dirinya untuk pelantikan semula.

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, yang perlu disimpan selaras dengan Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, tidak seorang pun Pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun berkenaan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan-perbadanan berkaitnya.

MANFAAT PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun, tidak wujud sebarang pengaturan yang mengaitkan Kumpulan dan Syarikat dengan tujuan untuk membolehkan pengarah Kumpulan dan Syarikat memperoleh manfaat secara pemerolehan saham atau debentur Kumpulan dan Syarikat atau mana-mana badan pertubuhan lain.

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada pengarah Kumpulan dan Syarikat telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah dan manfaat berupa barang yang ditunjukkan dalam Nota-nota kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat ini) menerusi kontrak yang dibuat oleh Kumpulan dan Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah atau firma yang dianggotainya, atau dengan sebuah perbadanan di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERBADANAN PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah Syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegangan utama Kumpulan dan Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka yang bertarikh 12 Mei 2020.

YIP JIAN LEE
PENGARAH

YEOH CHONG KENG
PENGARAH

Kuala Lumpur

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

**KENYATAAN PENGARAH MENURUT
SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT, 2016**

Kami, Yip Jian Lee dan Yeoh Chong Keng, sebagai dua orang Pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pandangan para Pengarah, penyata kewangan yang dibentang pada mukasurat 28 hingga 124 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2019 dan tentang keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka yang bertarikh 12 Mei 2020.

YIP JIAN LEE
PENGARAH

YEOH CHONG KENG
PENGARAH

**KENYATAAN PENGARAH MENURUT
SEKSYEN 251(1) AKTA SYARIKAT, 2016**

Saya, Ng Hang Ming, Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utamanya terhadap pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 28 hingga 124, dengan pengetahuan dan kepercayaan saya yang terbaik, adalah tepat dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

NG HANG MING

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 12 Mei 2020.

Di hadapan saya,

PESURUJAYA SUMPAH



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
Nombor Pendaftaran 198601000381 (149520-U)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad (“Syarikat”) dan subsidiari-subsidiarinya (“Kumpulan”) memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Apa yang kami telah mengaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan bertarikh 31 Disember 2019 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 28 hingga 124.

Asas kepada pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian “Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan” di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
Nombor Pendaftaran 198601000381 (149520-U)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Kumpulan dan Syarikat menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit sesudahnya

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain merangkumi Laporan Pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit kami sesudahnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata matan.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja-kerja yang telah kami melaksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut; kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
Nombor Pendaftaran 198601000381 (149520-U)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat agar memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman menurut budi bicara para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepetimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata matan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelangkauan kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
Nombor Pendaftaran 198601000381 (149520-U)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (sambungan)

- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Para Pengarah.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan dan Syarikat menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili urus niaga dasar dan peristiwa-peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.
- (f) Memperolehi bukti audit yang mencukupi berkaitan dengan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab memberi arahan, penyeliaan dan prestasi pengauditan kumpulan. Kami semata-mata bertanggungjawab memberi pendapat pengauditan kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
Nombor Pendaftaran 198601000381 (149520-U)

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan-akauntan Bertauliah

WONG HUI CHERN
03252/05/2022 J
Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
12 Mei 2020

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
ASET					
Harta, loji dan peralatan	4	25,832	17,609	25,832	17,609
Aset tidak ketara	5	179,943	179,943	179,943	179,943
Pelaburan: Tersedia dijual	6,7	1,656,128	1,645,935	1,675,858	1,685,632
Aset insurans semula	8	250,742	240,820	250,742	240,820
Insurans belum terima	9	86,293	98,432	86,293	98,432
Pinjaman dan belum terima (kecuali insurans belum terima)	10	427,618	387,820	406,550	347,817
Baki tunai dan bank		25,906	22,552	25,872	22,532
Jumlah Aset		<u>2,652,462</u>	<u>2,593,111</u>	<u>2,651,090</u>	<u>2,592,785</u>
EKUITI DAN LIABILITI					
Modal saham	11	403,471	403,471	403,471	403,471
Perolehan tertahan	12	818,144	768,345	782,119	738,236
Rizab lain	13	25,060	558	61,085	30,667
Jumlah Ekuiti		<u>1,246,675</u>	<u>1,172,374</u>	<u>1,246,675</u>	<u>1,172,374</u>
Liabiliti kontrak insurans	14	1,240,974	1,259,701	1,240,974	1,259,701
Liabiliti cukai tertunda	15	8,353	3,353	8,353	3,353
Peruntukan cukai		1,142	2,949	1,142	2,949
Liabiliti kewangan lain	16	11,754	6,644	11,754	6,644
Insurans belum bayar	17	53,334	64,304	53,334	64,304
Belum bayar lain	18	90,230	83,786	88,858	83,460
Jumlah Liabiliti		<u>1,405,787</u>	<u>1,420,737</u>	<u>1,404,415</u>	<u>1,420,411</u>
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>2,652,462</u>	<u>2,593,111</u>	<u>2,651,090</u>	<u>2,592,785</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	<u>Nota</u>	Kumpulan		Syarikat	
		<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
Premium terperoleh kasar	19(a)	874,326	995,157	874,326	995,157
Premium disid kepada penanggung insurans semula	19(b)	(161,969)	(187,115)	(161,969)	(187,115)
PREMIUM TERPEROLEH BERSIH		712,357	808,042	712,357	808,042
Pendapatan pelaburan	20	82,290	82,711	79,555	73,453
Keuntungan/(kerugian) terealis	21	5,185	(2,039)	(1,015)	551
Pendapatan fi dan komisyen		40,193	42,603	40,193	42,603
HASIL LAIN		127,668	123,275	118,733	116,607
JUMLAH HASIL		840,025	931,317	831,090	924,649
Tuntutan kasar dibayar		(517,851)	(627,108)	(517,851)	(627,108)
Tuntutan disid kepada penanggung insurans semula		63,925	81,496	63,925	81,496
Perubahan kasar pada liabiliti kontrak insurans		16,417	47,497	16,417	47,497
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans yang disid kepada penanggung insurans semula		7,962	(24,564)	7,962	(24,564)
TUNTUTAN BERSIH YANG DITANGGUNG		(429,547)	(522,679)	(429,547)	(522,679)
Pendapatan kendalian lain	22	5,812	2,801	5,809	2,801
Belanja fi dan komisyen		(95,218)	(104,310)	(95,218)	(104,310)
Perbelanjaan pengurusan	23	(197,906)	(199,698)	(194,884)	(196,574)
Kos kewangan	24	(559)	-	(559)	-
PERBELANJAAN LAIN		(287,871)	(301,207)	(284,852)	(298,083)
UNTUNG SEBELUM CUKAI		122,607	107,431	116,691	103,887
Cukai	25	(5,089)	(9,302)	(5,089)	(9,302)
UNTUNG BAGI TAHUN		117,518	98,129	111,602	94,585
Berpunca daripada:					
- Pemilik Syarikat		117,518	98,129	111,602	94,585
PEROLEHAN ASAS SESAHAM (SEN)	26	29	24	28	23

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Untung bagi tahun		117,518	98,129	111,602	94,585
Pendapatan komprehensif lain:					
<u>Perkara yang mungkin</u>					
<u>diklasifikasi semula kepada</u>					
<u>penyata pendapatan</u>					
<u>kemudiannya</u>					
Rizab tersedia dijual					
- Keuntungan bersih atas nilai saksama berbangkit sepanjang tahun		39,273	3,688	38,989	9,822
- (Keuntungan)/kerugian terealis bersih dipindah ke penyata pendapatan		(5,165)	2,026	1,035	(564)
		34,108	5,714	40,024	9,258
Kesan cukai	15	(9,606)	(2,221)	(9,606)	(2,221)
		24,502	3,493	30,418	7,037
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		142,020	101,622	142,020	101,622
Jumlah pendapatan komprehensif berpuncu daripada:					
- Pemilik Syarikat		142,020	101,622	142,020	101,622

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

<u>Nota</u>	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	
		Rizab penilaian semula RM'000	Rizab tersedia dijual RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan					
Pada 1 Januari 2018	403,471	4,916	(7,851)	670,216	1,070,752
Untung bagi tahun	-	-	-	98,129	98,129
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	3,493	-	3,493
Pada 31 Disember 2018	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>(4,358)</u>	<u>768,345</u>	<u>1,172,374</u>
Pada 1 Januari 2019, seperti dinyatakan sebelumnya	403,471	4,916	(4,358)	768,345	1,172,374
Kesan perubahan ke atas dasar perakaunan	35	-	-	(1,509)	(1,509)
Pada 1 Januari 2019, seperti dinyatakan semula	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>(4,358)</u>	<u>766,836</u>	<u>1,170,865</u>
Untung bagi tahun	-	-	-	117,518	117,518
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	24,502	-	24,502
Dividen dibayar	27	-	-	(66,210)	(66,210)
Pada 31 Disember 2019	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>20,144</u>	<u>818,144</u>	<u>1,246,675</u>

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	
		Rizab penilaian semula RM'000	Rizab tersedia dijual RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Syarikat					
Pada 1 Januari 2018	403,471	4,916	18,714	643,651	1,070,752
Untung bagi tahun	-	-	-	94,585	94,585
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	7,037	-	7,037
Pada 31 Disember 2018	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>25,751</u>	<u>738,236</u>	<u>1,172,374</u>
Pada 1 Januari 2019, seperti dinyatakan sebelumnya	403,471	4,916	25,751	738,236	1,172,374
Kesan perubahan ke atas dasar perakaunan	35	-	-	(1,509)	(1,509)
Pada 1 Januari 2019, seperti dinyatakan semula	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>25,751</u>	<u>736,727</u>	<u>1,170,865</u>
Untung bagi tahun	-	-	-	111,602	111,602
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	30,418	-	30,418
Dividen dibayar	27	-	-	(66,210)	(66,210)
Pada 31 Disember 2019	<u>403,471</u>	<u>4,916</u>	<u>56,169</u>	<u>782,119</u>	<u>1,246,675</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung bagi tahun	117,518	98,129	111,602	94,585
Pelarasan terhadap:				
Harta, loji dan peralatan				
- susut nilai	5,987	8,744	5,987	8,744
- (keuntungan)/kerugian daripada pelupusan	(20)	13	(20)	13
- hapus kira	14	897	14	897
Susut nilai bagi hak penggunaan ("ROU") aset	6,533	-	6,533	-
Pelunasan Pemulihan Aset	109	-	109	-
Faedah ke atas liabiliti pajakan (Keuntungan)/kerugian daripada pelupusan aset kewangan AFS	559	-	559	-
Pendapatan pelaburan	(5,164)	2,026	1,035	(564)
Masuk kira semula rosot nilai insurans dan belum terima lain	(82,290)	(82,711)	(79,555)	(73,453)
Hapus kira hutang lapuk	421	1,767	421	1,767
Perbelanjaan Cukai	5,089	9,302	5,089	9,302
Keuntungan daripada operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	46,567	36,073	49,585	39,197
Pembelian pelaburan	(467,779)	(648,614)	(73,728)	(290,725)
Hasil daripada pelupusan pelaburan (Peningkatan)/Penurunan dalam aset insurans semula	493,923	616,570	121,206	271,848
Penurunan dalam insurans belum terima	(12,648)	30,577	(12,648)	30,577
Peningkatan dalam pinjaman dan boleh terima	16,618	13,302	16,618	13,302
Penurunan dalam liabiliti kontrak insurans	(38,504)	(1,328)	(57,337)	(5,682)
Peningkatan dalam liabiliti kewangan lain	(18,727)	(122,646)	(18,727)	(122,646)
Penurunan dalam insurans belum bayar (Penurunan)/peningkatan dalam belum bayar lain	5,110	462	5,110	462
	(10,970)	(26,285)	(10,970)	(26,285)
	(5,098)	25,017	(6,144)	25,002
	8,492	(76,872)	12,965	(64,950)

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Cukai (dibayar)/diterima	(11,502)	597	(11,502)	597
Pendapatan pelaburan diterima:				
- Faedah	72,788	75,259	8,976	10,285
- Dividen	11,093	9,021	70,418	62,071
Faedah dibayar ke atas liabiliti pajakan	(559)	-	(559)	-
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	80,312	8,005	80,298	8,003
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian harta, loji dan peralatan	(5,335)	(1,984)	(5,335)	(1,984)
Hasil daripada pelupusan harta, loji dan peralatan	23	200	23	200
Tunai bersih diguna dalam aktiviti pelaburan	(5,312)	(1,784)	(5,312)	(1,784)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN				
Pembayaran liabiliti pajakan	(5,436)	-	(5,436)	-
Dividen dibayar	(66,210)	-	(66,210)	-
Tunai bersih diguna dalam aktiviti kewangan	(71,646)	-	(71,646)	-
PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI				
	3,354	6,221	3,340	6,219
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	22,552	16,331	22,532	16,313
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	25,906	22,552	25,872	22,532
Baki tunai dan bank	25,906	22,552	25,872	22,532

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

Penyelarasan liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Liabiliti pajakan				
Pada 31 Disember 2018	-	-	-	-
Kesan menggunakan-pakai MFRS 16	12,992	-	12,992	-
Pada 1 Januari 2019	12,992	-	12,992	-
Aliran Tunai	(5,995)	-	(5,995)	-
Caj faedah	559	-	559	-
Penambahan pajakan	926	-	926	-
Pada 31 Disember 2019	8,482	-	8,482	-

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Kumpulan dan Syarikat terlibat secara utamanya dalam penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan penting dalam sifat aktiviti ini pada sepanjang tahun berkenaan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di:

Level 23, Menara Tokio Marine Life,
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di:

29 - 31st Floor, Menara Dion
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah perbadanan yang diperbadankan di Jepun sebagai syarikat pemegangan utama Syarikat.

Penyata Kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut satu resolusi Pengarah bertarikh 12 Mei 2020.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap ketara berhubung penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan mematuhi Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, seperti yang diubah oleh penilaian semula tanah dan bangunan dan nilai saksama melalui aset kewangan pendapatan komprehensif lain.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun-amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan amaun-amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan berkenaan. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk melaksanakan penilaian mereka dalam proses penggunaan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berlainan daripada anggaran-anggaran tersebut.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Perkara-perkara yang melibatkan tahap penilaian atau kekompleksan yang lebih tinggi atau perkara-perkara yang mana anggaran dan andaianya adalah penting kepada penyata kewangan adalah didedahkan dalam Nota 3 pada penyata kewangan.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

Kumpulan dan Syarikat mengguna pakai piawai-piawai berikut buat pertama kalinya bagi tempoh berikut:

(i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

MFRS 16 'Pajakan' menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan tafsiran yang berkaitan.

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah satu kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi satu tempoh masa sebagai ganti untuk pertimbangan.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh penerima pajak sama ada sebagai pajakan kewangan (di dalam lembaran imbangan) atau pajakan operasi (di luar lembaran imbangan). MFRS 16 memerlukan penerima pajak untuk mengiktiraf 'hak-guna' aset asas dan liabiliti pajakan yang mencerminkan bayaran pajakan masa depan bagi kebanyakan pajakan.

Aset hak-guna disusunnilaikan selaras dengan prinsip di dalam MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan liabiliti pajakan ditambah dari masa ke masa di mana perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar daripada keperluan dalam MFRS 117. Pemberi pajak meneruskan pengelasan ke semua pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan menghitungkannya secara berasingan.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan MFRS 16 dengan tarikh penggunaan awal ("DIA") pada 1 Januari 2019 dengan menggunakan kaedah peralihan retrospektif yang dipermudahkan.

Di bawah kaedah peralihan retrospektif yang dipermudahkan, maklumat perbandingan 2018 tidak dinyatakan semula dan kesan kumulatif penggunaan awal MFRS 16 di mana Kumpulan dan Syarikat adalah pemajak diiktiraf sebagai pelaras terhadap baki pembukaan pendapatan tertahan pada 1 Januari 2019. Maklumat perbandingan secara lanjut dilaporkan berdasarkan dasar perakaunan sebelumnya di bawah MFRS 117 "Pajakan".

Sebagai pemberi pajak, Kumpulan dan Syarikat tidak diminta untuk membuat penyesuaian semasa peralihan, kecuali untuk penilaian semula sub pajak operasi pada tarikh penggunaan awal.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 (sambungan)

MFRS 16 'Pajakan' menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan tafsiran yang berkaitan. (sambungan)

Di samping itu, Kumpulan dan Syarikat telah memilih untuk tidak menilai semula sama ada kontrak itu, atau mengandungi pajakan pada tarikh penggunaan awal. Sebaliknya, untuk kontrak yang dimeterai sebelum tarikh peralihan, Kumpulan dan Syarikat bergantung pada penilaian yang dibuat menggunakan MFRS 117.

(i) Pajakan yang diklasifikasikan sebagai pajakan beroperasi di bawah MFRS 117

Dengan penerima-pakaian MFRS 16, Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf liabiliti pajakan berhubung dengan pajakan yang sebelumnya telah diklasifikasikan sebagai 'pajakan beroperasi' di bawah prinsip MFRS 117. Liabiliti ini diukur pada nilai semasa dari baki bayaran pajakan, didiskaunkan menggunakan kadar pinjaman tambahan pemajak setakat 1 Januari 2019.

Hak penggunaan aset ("ROU") yang berkaitan bagi harta tanah dan pajakan lain diukur secara retrospektif seolah-olah keperluan baru telah selalu diguna-pakai.

Dalam mengguna-pakai MFRS 16 untuk pertama kalinya, Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan kaedah praktikal berikut yang dibenarkan oleh piawaian untuk pajakan yang sebelumnya diklasifikasikan sebagai pajakan beroperasi di bawah MFRS 117:

- penggunaan satu kadar diskau kepada portfolio pajakan dengan ciri-ciri yang serupa;
- pergantungan pada penilaian sebelumnya berkaitan sama ada pajakan adalah membebankan;
- perakaunan untuk pajakan beroperasi dengan baki tempoh pajakan kurang dari 12 bulan setakat 1 Januari 2019 sebagai pajakan jangka pendek;
- pengecualian kos langsung awal untuk pengukuran aset ROU pada tarikh penggunaan awal (DIA); dan
- penggunaan pengalaman lalu dalam menentukan tempoh pajakan di mana kontrak mengandungi pilihan untuk melanjutkan atau menghentikan pajakan.

(ii) Pajakan yang diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan di bawah MFRS 117

Bagi pajakan yang sebelumnya diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan dibentangkan sebagai sebahagian daripada 'harta tanah, loji dan peralatan', Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf jumlah dibawa aset pajakan dan liabiliti pajakan sebelum peralihan yang diukur menggunakan MFRS 117 sebagai nilai dibawa aset ROU dan liabiliti pajakan pada tarikh penggunaan awal (DIA).

Butir-butir terperinci mengenai kesan perubahan ini dinyatakan dalam Nota 35 penyata kewangan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

- (i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 (sambungan)

Tafsiran IC 23 “Ketidakpastian mengenai Pemprosesan Cukai Pendapatan”

Tafsiran ini memberi panduan mengenai bagaimana untuk mengiktiraf dan mengukur aset dan liabiliti cukai tertunda dan semasa dalam keadaan di mana terdapat ketidakpastian sama ada pemprosesan cukai yang digunakan oleh entiti akan diterima oleh pihak berkuasa cukai. Sekiranya kemungkinan pihak berkuasa cukai akan menerima pemprosesan cukai yang tidak pasti yang telah digunakan atau dijangka akan digunakan ke atas pulangan cukai, perakaunan cukai pendapatan hendaklah ditentukan secara konsisten dengan pemprosesan cukai tersebut. Jika entiti menyimpulkan bahawa tidak mungkin pemprosesan itu diterima, ia harus mencerminkan kesan ketidakpastian dalam perakaunan cukai pendapatannya dalam tempoh penentuan itu dibuat, dengan menggunakan kaedah jumlah yang paling mungkin atau kaedah nilai yang dijangkakan.

Pengguna-pakaian tafsiran ini tidak memberi kesan ke atas tempoh semasa atau tempoh sebelumnya dan kemungkinan besar tidak akan mempengaruhi tempoh masa depan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian berkaitan dan piawaian kena-pakai terbaru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang berkenaan berikut dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

Pindaan kepada MFRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan - Takrifan Material" dan Pindaan kepada MFRS 108 "Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan - Takrifan Material"

Pindaan kepada takrifan material (Pindaan kepada MFRS 101 dan MFRS 108). Pindaan ini menjelaskan takrifan materialiti dan menggunakan definisi yang konsisten sepanjang MFRS dan Rangka Kerja Konsep untuk Pelaporan Kewangan.

Takrif 'material' telah disemak semula sebagai "Maklumat adalah penting sekiranya ketidaknyataan, kesalahnyataan atau pengaburannya boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama umum penyata kewangan berdasarkan penyata kewangan tersebut, yang memberikan maklumat kewangan mengenai entiti tertentu yang mengemukakan pelaporan."

Pindaan-pindaan ini juga:

- menjelaskan bahawa entiti menilai materialiti dalam konteks penyata kewangan secara keseluruhannya.
- menerangkan konsep mengaburkan maklumat dalam takrifan baru. Maklumat dikaburkan sekiranya ia mempunyai kesan yang sama seumpama tidak menyatakan atau menyalahnyatakan maklumat tersebut. Sebagai contoh, urus niaga penting dinyatakan merentasi penyata kewangan, item yang berbeza disatukan dengan tidak betul, atau maklumat penting disembunyikan dengan maklumat tidak penting.
- menjelaskan maksud 'pengguna utama penyata kewangan tujuan umum' kepada pengguna sasaran penyata kewangan, dengan mentakrifkannya sebagai 'para pelabur, peminjam dan penghutang sedia ada dan berpotensi' yang semestinya bergantung pada penyata kewangan tujuan umum bagi mendapatkan kebanyakan maklumat kewangan yang mereka perlukan.

Pindaan-pindaan tersebut akan diguna-pakai secara prospektif.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)
(i) Tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

MFRS 17 “Kontrak Insurans”

MFRS 17 “Kontrak Insurans” menggantikan MFRS 4 “Kontrak Insurans”. MFRS 17 terguna pakai bagi kontrak insurans yang diterbitkan, kepada semua kontrak insurans semula dan kontrak pelaburan dengan ciri-ciri penyertaan budi bicara sekiranya entiti juga menerbitkan kontrak insurans. Bagi kontrak perkhidmatan beryuran tetap di mana tujuan utamanya adalah penyediaan perkhidmatan, entiti mempunyai pilihan dasar perakaunan untuk mengakaunkannya mengikut sama ada MFRS 17 atau MFRS 15 ‘Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan’. Sesuatu entiti dibenarkan untuk mengakaunkan kontrak jaminan kewangan mengikut MFRS 17 jika entiti telah menegaskan secara eksplisit bahawa ia menetapkannya sebagai kontrak insurans. Kontrak insurans, (selain daripada insurans semula) di mana entity adalah pemegang polisi, tidak berada dalam skop MFRS 17. Derivatif terbenam dan komponen pelaburan dan perkhidmatan yang berbeza harus ‘diuraikan’ dan dihitung secara berasingan mengikut MFRS yang berkaitan. Penguraian sukarela komponen lain adalah dilarang.

MFRS 17 memerlukan model pengukuran semasa di mana anggaran diukur semula pada setiap tempoh pelaporan. Pengukuran adalah berlandaskan dasar didiskaun, aliran tunai berwajaran barangkali, pelarasaran risiko dan margin perkhidmatan kontrak (“CSM”) yang mewakili keuntungan kontrak yang belum diperolehi. Sesuatu entiti mempunyai pilihan polisi untuk mengiktiraf kesan perubahan dalam kadar diskaun dan anggapan lain yang berkaitan dengan risiko kewangan sama ada dalam penyata keuntungan atau kerugian atau dalam pendapatan komprehensif lain.

Model pengukuran alternatif disediakan bagi perlindungan insurans yang berlainan:

- a) Pendekatan Peruntukan Premium Mudah jika tempoh liputan insurans adalah setahun atau kurang
- b) Pendekatan Yuran Kebolehubahan perlu digunakan bagi kontrak insurans yang menyatakan hubungan di antara bayaran kepada pemegang polisi dan pulangan ke atas perkara-perkara asas

Keperluan MFRS 17 menyelaraskan pembentangan hasil dengan industri-industri lain. Pendapatan dibahagikan kepada tempoh yang diperuntukkan dengan nilai jangkaan lindungan dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh penanggung insurans dalam tempoh tersebut, dan tuntutan dibentangkan apabila ianya ditanggung. Komponen pelaburan dikecualikan daripada pendapatan dan tuntutan. Penanggung insurans dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai jumlah, pertimbangan dan risiko yang timbul daripada kontrak insurans.

Kumpulan dan Syarikat sedang dalam proses untuk menilai kesan MFRS 17 ke atas penyata kewangannya.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Asas gabungan

(i) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang dikuasai oleh Kumpulan. Kumpulan menguasai sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap hasil bolehubah daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan berupaya untuk mendatangkan kesan ke atas hasil tersebut menerusi kuasanya ke atas entiti itu. Syarikat-syarikat subsidiari digabung sepenuhnya dari tarikh kuasa dipindah kepada Kumpulan dan akan dinyah-perbadankan daripada gabungan apabila tarikh kuasa tersebut tamat.

Kumpulan merujuk kepada Syarikat dan pelaburannya dalam entiti-entiti berstruktur.

(ii) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam syarikat-syarikat subsidiari tanpa perubahan kuasa

Urusniaga dengan kepentingan tak berkawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kuasa dijelaskan sebagai urusniaga ekuiti dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama bagi sebarang balasan yang dibayar dengan saham relevan yang bersamaan dengan nilai pembawaan aset bersih syarikat subsidiari dicatat dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepentingan tak berkawal juga dicatat dalam ekuiti.

(iii) Pelupusan syarikat-syarikat subsidiari

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kuasa, sebarang kepentingan yang tertahan dalam syarikat subsidiari diukur semula pada nilai saksamanya pada tarikh kuasa itu luput dengan perubahan dalam amaun pembawaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama ialah amaun pembawaan permulaan bagi tujuan perakaunan seterusnya bagi kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usahasama atau aset kewangan. Sebagai tambahan, sebarang amaun berhubung entiti tersebut yang diiktiraf terdahulu dalam pendapatan komprehensif lain dijelaskan jika Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liability berkenaan. Ini mungkin bermakna amaun yang terdahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain adalah diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan.

(c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari (termasuk entiti-entiti berstruktur) dibawa pada nilai saksama mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran'. Apabila pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan dengan amaun bawaan pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Gabungan perniagaan

Kaedah perakaunan pembelian diguna untuk menjelaskan gabungan perniagaan. Kos bagi sesuatu pemerolehan diukur mengikut nilai saksama aset yang diberi, instrument ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti terlibat atau dipikul pada tarikh pertukaran, termasuk kos yang dikaitkan secara langsung dengan pemerolehan itu. Aset kenal pasti yang diperoleh dan liabiliti serta liabiliti kontingen yang dipikul dalam sebuah gabungan perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Lebihan kos pemerolehan daripada nilai saksama bahagian Syarikat dalam aset bersih kenal pasti yang diperoleh pada tarikh pemerolehan ditunjuk sebagai muhibah. Lihat dasar perakaunan Nota 2(e) pada penyata kewangan tentang muhibah. Jika kos pemerolehan kurang daripada nilai saksama aset bersih yang diperoleh, perbezaan itu diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

(e) Aset Tidak Ketara - Muhibah

Muhibah mewakili lebihan balasan belian dan kos berkait pemerolehan daripada agregat nilai saksama aset perniagaan bersih yang diperoleh pada tarikh pemerolehan. Lihat dasar perakaunan Nota 2(i) kepada penyata kewangan tentang rosot nilai aset bukan kewangan.

Muhibah diuji secara tahunan bagi rosot nilai dan dibawa pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak diterbalikkan.

Muhibah diperuntukkan ke unit penjana tunai bagi tujuan ujian rosot nilai. Peruntukan dibuat ke atas unit-unit penjana tunai tersebut atau ke atas unit-unit penjana tunai Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan yang mana muhibah itu timbul, dikenal pasti mengikut segmen operasi.

Kumpulan dan Syarikat memperuntuk muhibah pada gabungan perniagaan insurans am secara menyeluruhnya, yang telah diiktiraf sebagai sebuah unit penjana tunai.

(f) Harta, loji dan peralatan

Harta, loji dan peralatan pada permulaannya dinyata pada kos. Tanah dan bangunan pemegangan pajak ditunjuk kemudiannya pada amaun dinilai semula, berdasarkan penilaian berkala sekurangnya sekali setiap 5 tahun oleh jurunilai bebas luar, ditolak susut nilai dan kerugian rosot nilai yang berikutnya. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapuskan daripada amaun pembawaan kasar aset, dan amaun bersih dinyata semula pada amaun aset dinilai semula.

Semua harta, loji dan peralatan lain dinyata pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang dikaitkan secara langsung kepada perkara-perkara pemerolehan.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun pembawaan aset atau diiktiraf sebagai asset berasingan, mengikut sewajarnya, hanya apabila ada kemungkinan manfaat ekonomi masa depan berkaitan perkara itu akan mengalir ke Kumpulan dan Syarikat dan kos tersebut boleh diukur secara yakin. Baik pulih dan penyelenggaraan dicaj pada penyata pendapatan pada tempoh ianya ditanggung.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Harta, loji dan peralatan (sambungan)

Harta, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garisan lurus untuk menghapus kira kos aset kepada nilai sisanya daripada anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Tanah pemegangan pajak dan bangunan	42 tahun
Perabot dan lekapan	3 - 6 tahun
Kenderaan bermotor	4 - 5 tahun
Peralatan pejabat dan komputer	3 - 6 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji dan diselaraskan, jika sewajarnya, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan

Lebihan yang berbangkit daripada penilaian semula dikredit kepada rizab penilaian semula melalui penyata pendapatan komprehensif lain. Sebarang defisit yang berbangkit daripada penilaian semula dicaj pada rizab penilaian semula setakat lebihan terdahulu yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan dalam amaun pembawaan dicaj pada penyata pendapatan bagi tempoh ianya tertanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan dan Syarikat juga menilai sama ada terdapat sebarang tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda sedemikian wujud, analisa dibuat untuk menilai sama ada amaun pembawaan aset boleh didapati kembali sepenuhnya. Nilai diturunkan jika amaun pembawaan melebihi amaun yang boleh didapati kembali. Lihat dasar perakaunan Nota 2(i) kepada penyata kewangan mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada amaun pembawaan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Selepas pelupusan aset dinilai semula, amaun dalam rizab penilaian semula berhubung asset tersebut dipindah ke keuntungan tertahan.

Dasar perakaunan diguna-pakai bermula dari 1 Januari 2019

Bermula 1 Januari 2019, aset pajakan (termasuk tanah pegangan pajak) dibentangkan di bawah item harta tanah, loji dan peralatan dalam penyata kedudukan kewangan. Rujuk nota perakaunan 2(t) berkaitan hak penggunaan aset ("ROU") bagi aset-aset ini.

Dasar perakaunan diguna-pakai sehingga 31 Januari 2018

Setakat 31 Disember 2018, aset pajakan (termasuk tanah pegangan pajak) di bawah pengaturan pajakan yang diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan (rujuk dasar perakaunan Nota 2(t) berkaitan pajakan kewangan diguna-pakai setakat 31 Disember 2018) dilunaskan dalam ansuran setara sepanjang tempoh 42 tahun.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Pelaburan dan aset kewangan lain

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan pelaburan dan aset kewangan lain kepada kategori berikut: aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, dipegang hingga matang atau tersedia dijual. Klasifikasi aset kewangan ditentukan pada permulaan pengiktirafan.

(i) Nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL berkait aset kewangan yang diperoleh atau ditanggung secara utamanya bagi tujuan menjual atau membelinya semula pada masa depan atau ia adalah sebahagian portfolio sekuriti yang dikenal pasti yang diurus secara bersama dan baginya terdapat bukti baru tentang corak sebenar pengambilan untung jangka singkat. Aset kewangan pada FVTPL diukur pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian daripada nyahiktiraf aset kewangan tersebut diukur sebagai perbezaan antara hasil jualan dengan nilai saksama terselaras terakhir dalam penyata pendapatan.

(ii) Dipegang hingga matang ("HTM")

Aset kewangan pada HTM adalah aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau bayaran boleh ditentukan dan kemudahan tetap yang Kumpulan dan Syarikat berniat secara positif dan berupaya untuk dipegang hingga matang. Aset kewangan HTM diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset kewangan itu dinyahiktiraf atau rosot nilai.

(iii) Pinjaman dan belum terima ("LAR")

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau bayaran boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan ini diiktiraf pada awalnya pada kos, sebagai nilai saksama bagi balasan yang dibayar bagi pemerolehan aset kewangan itu. Semua kos urusniaga yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan itu dimasukkan ke dalam kos asset kewangan itu. Selepas ukuran awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah pulangan efektif, ditolak peruntukan untuk rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi apabila aset kewangan itu dinyahiktiraf atau rosot nilai, serta menerusi proses pelunasan.

(iv) Tersedia untuk dijual ("AFS")

Aset kewangan pada AFS adalah aset yang tidak diklasifikasikan sebagai FVTPL atau HTM atau LAR dan diukur pada nilai saksama. Aset kewangan AFS diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama termasuk kos urusniaga yang berpunca secara langsung daripada pemerolehannya. Selepas ukuran awal, aset kewangan AFS kemudiannya diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada sesuatu perubahan dalam nilai saksama, setelah ditolak cukai pendapatan, dilaporkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan komprehensif dan dilaporkan sebagai komponen ekuiti berasingan sehingga asset kewangan itu dinyahiktiraf atau ditentukan sebagai rosot nilai. Apabila asset kewangan itu dinyahiktiraf atau rosot nilai, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam ekuiti akan dipindah menerusi penyata pendapatan komprehensif kepada penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan dan Syarikat membuat penilaian sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan adalah rosot nilai. Suatu aset kewangan dianggap rosot nilai dan kerugian rosot nilai tertanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif rosot nilai itu sebagai akibat daripada suatu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset itu (suatu 'peristiwa kerugian') dan bahawa peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian itu mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan itu yang boleh dianggar dengan yakin.

(i) Aset kewangan dibawa pada kos terlunas

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai pada aset kewangan HTM yang dibawa pada kos terlunas telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun pembawaan aset itu dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah berkesan asal asset kewangan itu. Amaun pembawaan aset itu dikurangkan menerusi penggunaan akaun peruntukan dan amaun kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika, pada tempoh terkemudian, amaun kerugian rosot nilai itu menjadi kurang dan kekurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan sebuah peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai itu diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf pada sebelumnya akan ditarik balik dengan melaraskan akaun peruntukan. Amaun pembalikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Aset kewangan dibawa pada kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa suatu kerugian rosot nilai ke atas asset kewangan yang dibawa pada kos (contoh, instrumen ekuiti atau yang tiada pasaran aktif atau yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara yakin) telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun pembawaan aset itu dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi sekuriti yang serupa. Kerugian rosot nilai sebegini tidak akan ditarik balik.

(iii) Aset kewangan dibawa pada nilai saksama

Dalam kes asset kewangan yang diklasifikasikan sebagai AFS, kejatuhan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti itu di bawah kosnya dipertimbangkan dalam menentukan sama ada aset itu telah merosot nilai. Jika sebarang bukti sedemikian wujud bagi aset kewangan AFS, kerugian terkumpul, diukur pada perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang telah diiktiraf terdahulu dalam untung atau rugi dipindah dari ekuiti menerusi penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekiranya, dalam tempoh yang berikutnya, nilai saksama sesuatu instrument hutang diklasifikasikan sebagai aset kewangan AFS dibawa pada nilai saksama meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian rosot nilai itu ditarik balik menerusi penyata pendapatan. Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi instrumen ekuiti tidak ditarik balik melalui penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Rosot nilai aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak tetap, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi rosot nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai, setiap kali peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun pembawaan mungkin tidak boleh dipulih sepenuhnya.

Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi amaun di mana nilai pembawaan aset melebihi amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, asset-asset digolongkan pada tahap terendah yang mana wujud aliran tunai (unit penjana tunai) yang boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikkan rosot nilai tersebut pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan dengan serta merta melainkan jika ianya membalikkan penilaian terdahulu, sekiranya demikian ia dicaj pada lebihan penilaian semula. Kerugian rosot nilai ke atas muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung aset lain, sebarang peningkatan selanjutnya dalam amaun yang boleh didapati kembali diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ianya membalikkan kerugian rosot nilai pada asset yang dinilai semula jika demikian ianya dibawa ke lebihan penilaian semula.

(j) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripadanya telah luput atau di mana ianya telah dipindahkan serta Kumpulan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

(k) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan monetari terakru dalam tempoh di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat.

(ii) Manfaat pasca pekerjaan

Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pelan caruman tetap negara, dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif selanjutnya.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Insurans semula

Kumpulan dan Syarikat mengesid risiko insurans dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kesemua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki-baki yang kena dibayar oleh syarikat-syarikat insurans semula. Amaun boleh pulih daripada penanggung insurans semula dianggar secara konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan selesai yang berkaitan dengan dasar-dasar penanggung insurans semula dan menepati kontrak insurans semula yang berkaitan.

Pengaturan insurans semula yang disid tidak melepaskan Kumpulan dan Syarikat daripada tanggungjawabnya terhadap pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentang atas atas kasar bagi kedua-dua insurans semula yang disid dan yang ditanggung.

Aset insurans semula disemak untuk rosot nilai pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila timbul petunjuk bagi rosot nilai semasa tempoh laporan. Rosot nilai berlaku apabila wujud bukti objektif sebagai akibat sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal dibuat terhadap aset insurans semula Kumpulan dan Syarikat yang mungkin tidak diterima kesemua amaun yang tertunggak yang kena dibayar di bawah terma kontrak dan peristiwa tersebut mempunyai kesan yang boleh diukur dengan yakin ke atas amaun yang Kumpulan dan Syarikat akan terima daripada penanggung insurans semula. Kerugian rosot nilai dicatat dalam penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pembelian insurans semula diiktiraf dengan segera di dalam penyata pendapatan pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Kumpulan dan Syarikat juga menanggung risiko insurans semula dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kontrak insurans am apabila berkaitan.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula yang ditanggung diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan sebagaimana jika insurans semula itu dianggap sebagai perniagaan langsung, dengan mengambil kira klasifikasi produk perniagaan yang diinsuranskan semula itu. Liabiliti insurans semula mewakili baki-baki yang kena dibayar kepada syarikat-syarikat insurans semula. Amaun perlu bayar dianggar secara konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak-hak kontraktual dihapuskan atau luput atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans yang ketara diakaunkan secara langsung menerusi penyata kedudukan kewangan. Ini adalah deposit aset atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berdasarkan balasan yang dibayar atau diterima ditolak sebarang premium yang dikenal pasti dengan jelas atau yuran yang akan ditahan oleh pihak diinsurans semula. Pendapatan pelaburan daripada kontrak-kontrak ini diterangkan menggunakan kaedah pulangan efektif apabila ianya terakru.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Insurans belum terima

Insurans belum terima diiktiraf apabila perlu dibayar dan diukur pada awal pengiktirafan pada nilai saksama ke atas balasan yang diterima atau belum terima. Selepas pengiktirafan awal, insurans belum terima diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah pulangan efektif.

Jika wujud bukti objektif bahawa belum terima itu adalah rosot nilai, Kumpulan dan Syarikat mengurangkan amaan pembawaan insurans belum terima dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosot nilai itu dalam penyata pendapatan. Kumpulan dan Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa sesuatu insurans belum terima terosot nilai menggunakan proses yang sama yang diterima pakai untuk aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Kerugian rosot nilai dihitung di bawah kaedah yang diguna untuk asset-asset kewangan ini. Proses-proses ini diterangkan dalam Nota 2(h) kepada penyata kewangan.

(n) Keputusan penajajaminan insurans am

Klasifikasi produk

Kumpulan dan Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindahkan risiko insurans.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans yang besar. Suatu kontrak insurans ialah sebuah kontrak yang dengannya Kumpulan dan Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans yang ketara daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan mempersetujui untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi jika peristiwa masa depan tertentu yang tidak boleh kenal pasti (peristiwa yang diinsuranskan) menjelaskan pemegang polisi dengan teruk. Sebagai panduan am, Kumpulan dan Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang besar, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat yang perlu dibayar sekiranya peristiwa yang diinsuranskan itu tidak berlaku.

Sebaik sahaja suatu kontrak telah diklasifikasikan sebagai suatu kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi seluruh jangka hayatnya, walaupun jika risiko insurans itu berkurangan dengan ketara semasa tempoh ini, melainkan semua hak dan tanggungjawab telah dihapuskan atau luput.

Keputusan penajajaminan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas diambil kira insurans semula, komisyen, premium tidak terperoleh dan tuntutan yang ditanggung.

Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tahun berhubung risiko yang ditanggung pada tahun tersebut. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf pada tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung risiko yang bermula yang mana nota debit belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah terakru pada tarikh tersebut sebagai premium akan datang.

Premium insurans semula perjanjian alir masuk diiktiraf pada asas pemberitahuan berkala yang diterima daripada penanggung insurans tersid.

Premium insurans semula luaran diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang mana insurans semula tersebut berkaitan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (n) Keputusan penajajaminan insurans am (sambungan)

Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang lebih tinggi daripada:

- (a) agregat rizab premium tak terperoleh ("UPR"); atau
- (b) anggaran terbaik nilai rizab risiko belum luput Kumpulan dan Syarikat ("URR") pada tarikh penilaian dan peruntukan margin risiko bagi lencongan yang teruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM, dihitung pada tahap keseluruhan Kumpulan dan Syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif jangkaan bayaran masa depan yang timbul daripada peristiwa masa depan yang diinsuranskan di bawah polisi-polisi yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan termasuk peruntukan bagi belanja Kumpulan dan Syarikat, termasuk perbelanjaan dan kos insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum luput ketika mengenakan polisi-polisi ini dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang relevan, dan memperuntukkan pemulangan jangkaan premium masa depan.

UPR mewakili bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang ditaja yang berkaitan dengan tempoh-tempoh belum luput polisi-polisi tersebut pada akhir tahun.

Dalam menentukan UPR pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium tak terperoleh sebenar telah diguna, seperti berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin;
- (ii) kaedah pembahagian masa bagi polisi-polisi bukan tahunan yang dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar terakaun dengan premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (iii) kaedah 1/24 bagi semua kelas lain perniagaan am berhubung polisi-polisi Malaysia, dikurangkan oleh peratusan yang sama daripada komisyen kasar perniagaan langsung yang terakaun dengan premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

Liabiliti tuntutan

Suatu liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf berhubung kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk.

Peruntukan untuk liabiliti tuntutan dibuat bagi kos anggaran semua tuntutan bersama dengan belanja berkait ditolak pemulihan insurans semula, berhubung tuntutan yang diberi notis tetapi belum selesai pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, berserta belanja berkait, yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, berdasarkan penilaian aktuari dengan PRAD pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM.

Pada sepanjang tahun, pihak pengurusan menilai semula secara tetap tuntutan dan peruntukan pada asas individu dan juga asas kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, maklumat lain yang ada dan penilaian pengurusan sendiri terhadap tuntutan dan peruntukan itu.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (n) Keputusan penajajaminan insurans am (sambungan)

Kos pemerolehan dan kos pemerolehan tertunda ("DAC")

Kos untuk memperoleh dan memperbaharui polisi-polisi insurans tidak termasuk pendapatan yang diperoleh daripada premium insurans semula tersid, diiktiraf sebagai tertanggung dan diberi peruntukan dengan betul pada tahun ianya mungkin menimbulkan pendapatan.

Kos ini ditunda setakat ianya boleh dipulih daripada premium masa depan. Semua kos pemerolehan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ianya ditanggung. Semakan rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila ada petunjuk bahawa rosot nilai telah timbul. Apabila amaun yang boleh didapati kembali adalah kurang daripada nilai pembawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

DAC juga diambil kira dalam ujian kecukupan liabiliti bagi setiap tempoh perakaunan. DAC dinyahiktiraf apabila kontrak berkaitan telah diselesaikan atau dilupuskan.

Bagi tujuan pembentangan, DAC ditolak-selesai daripada liabiliti premium dalam penyata kewangan.

Penilaian liabiliti kontrak insurans am

Bagi kontrak insurans am, anggaran telah dibuat bagi kedua-dua kos tuntutan muktamad yang dijangka yang dilapor pada akhir tempoh laporan dan bagi kos tuntutan muktamad yang dijangka yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh laporan.

Tempoh yang panjang mungkin diperlukan sebelum kos tuntutan muktamad dapat ditentukan dengan sedikit kepastian dan untuk beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR mewakili sebahagian besar liabiliti kontrak insurans. Kos muktamad bagi tuntutan yang tertinggi dianggar dengan menggunakan pelbagai piawai teknik unjuran tuntutan aktuari seperti kaedah Chain Ladder dan Bornheutter-Ferguson.

Andaian utama yang menjadi dasar bagi teknik-teknik ini ialah bahawa pengalaman Kumpulan dan Syarikat dalam perkembangan tuntutan masa lampau boleh diguna untuk membuat unjuran bagi corak perkembangan tuntutan masa depan, maka kos tuntutan muktamad dapat diunjurkan. Oleh yang demikian, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasikan perkembangan kerugian berbayar dan ditanggung, purata kos setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan perkembangan yang diperhati pada tahun sebelum dan nisbah kerugian yang dijangka. Sejarah perkembangan tuntutan dianalisa sebahagian besarnya melalui tahun kemalangan, tetapi boleh juga dianalisa selanjutnya menerusi jenis perniagaan penting dan jenis tuntutan. Tuntutan besar lazimnya ditangani berasingan, sama ada dengan dirizab pada nilai muka anggaran kerugian oleh pelaras kerugian atau diunjur secara berasingan supaya menunjukkan perkembangan akan datang. Dalam kebanyakan kes, tiada andaian tersurat dibuat berkenaan kadar masa depan peningkatan tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang diguna ialah yang tersirat dalam data sejarah perkembangan tuntutan yang menjadi asas bagi unjuran itu.

Sebagai tambahan, penilaian kualitatif tertentu diguna untuk menilai sejauh mana corak terdahulu masa lampau tidak boleh diguna untuk masa depan untuk mencapai anggaran kos tuntutan muktamad yang mempamirkan akibat yang mungkin berlaku daripada sebilangan kemungkinan akibat, dengan mengambil kira semua ketidakpastian yang terlibat.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah termasuk amaun pelunasan premium dan tokokan diskaun diiktiraf pada asas pembahagian masa dengan mengambil kira tunggakan pokok dan kadar efektif hingga tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan sedemikian akan terakru kepada Kumpulan dan Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf pada asas pembahagian masa kecuali jika keingkaran bayaran sewa telah pun berlaku dan sewa yang kena dibayar kekal tertunggak melebihi enam bulan, yang jika demikian, pengiktirafan pendapatan sewa adalah digantung. Berikutnya perggantungan itu, pendapatan diiktiraf pada asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran sudah ditentukan.

Keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada pelupusan pelaburan dikreditkan atau dicaj kepada penyata pendapatan.

(p) Urusniaga matawang asing

Perkara-perkara yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang berfungsi").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, iaitu matawang berfungsi dan pembentangan bagi Kumpulan dan Syarikat.

Urusniaga matawang asing dalam Kumpulan dan Syarikat diakaunkan pada kadar pertukaran yang wujud pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti kewangan matawang asing pada tarikh penyata kedudukan diterjemah pada kadar pertukaran semasa tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian urusniaga mata wang asing dan daripada terjemahan aset dan liabiliti kewangan matawang asing adalah dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(q) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa di mana Kumpulan dan Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai yang berasaskan untung boleh cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul di antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun pembawaannya di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diakaunkan sekiranya ia berbangkit daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam suatu urusniaga selain daripada gabungan perniagaan di mana pada waktu urusniaga itu tidak menjelaskan perakaunan ataupun untung atau rugi boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana ada kemungkinan terdapat keuntungan boleh cukai yang membolehkan perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai yang berbaki boleh digunakan.

Kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka diterima pakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalis atau liabiliti cukai tertunda telah diselesaikan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Liabiliti dan aset luar biasa

Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka ialah tanggungjawab yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan menerusi kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa akan datang yang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau suatu tanggungjawab wujud kini tetapi tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan suatu aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang amat jarang berlaku di mana suatu liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat.

Aset luar jangka ialah suatu aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan belum pasti yang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di mana ada kemungkinan terdapat alir masuk manfaat ekonomi, tetapi tidak dapat dipastikan dengan nyata.

(s) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila tanggungjawab untuk membuat bayaran telah ditentukan.

(t) Pajakan

Dasar perakaunan diguna-pakai bermula dari 1 Januari 2019

Bermula dari 1 Januari 2019, pajakan diiktiraf sebagai hak penggunaan aset ("ROU") dan liabiliti sepadan pada tarikh aset pajakan itu tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat (iaitu tarikh permulaan).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan dan Syarikat memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga tersendiri relatifnya. Walau bagaimanapun, untuk pajakan harta tanah di mana Kumpulan dan Syarikat adalah pemjak, ia telah memilih langkah praktikal yang diperuntukkan dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen tersebut dipertanggungjawabkan sebagai komponen pajakan tunggal dan pembayaran untuk kedua-dua komponen tersebut termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan.

Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk melaksanakan opsyen lanjutan, atau tidak menggunakan opsyen penamatian. Opsyen lanjutan (atau tempoh selepas opsyen penamatian) hanya dimasukkan di dalam tempoh pajakan sekiranya pajakan sewajarnya pasti akan dilanjutkan (atau tidak akan ditamatkan).

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) **Pajakan (sambungan)**

Kumpulan dan Syarikat menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan di dalam keadaan yang berada di dalam kawalan Kumpulan dan Syarikat dan mempengaruhi sama ada Kumpulan dan Syarikat sewajarnya pasti untuk melaksanakan opsyen yang sebelumnya tidak termasuk apabila tempoh pajakan ditentukan, atau tidak menggunakan opsyen yang sebelumnya termasuk apabila menentukan tempoh pajakan. Sekiranya tempoh pajakan disemak semula, maka liabiliti pajakan perlu diukur semula.

Aset ROU

Aset ROU pada mulanya diukur pada kos dengan merangkumi yang berikut:

- Jumlah pengukuran awal liabiliti pajakan;
- Sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan tolak insentif pajakan yang diterima;
- Sebarang kos langsung awal; dan
- Kos penutupan dan pemulihian.

Aset ROU yang bukan harta pelaburan yang kemudiannya diukur pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Aset ROU pada amnya disusutnilai sepanjang jangka hayat pendek aset dan tempoh pajakan pada dasar garis lurus. Sekiranya Kumpulan dan Syarikat sewajarnya pasti untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset ROU akan disusutnilai sepanjang jangka hayat berguna aset asas. Di samping itu, aset ROU diselaraskan untuk pengukuran semula tertentu liabiliti pajakan.

Kumpulan dan Syarikat menilai semula tanah dan bangunan (dibentangkan sebagai sebahagian daripada harta tanah, loji dan peralatan) yang dimiliki berdasarkan penilaian berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 5 tahun oleh penilai bebas luaran, ditolak susutnilai berikutnya dan kerugian rosot nilai.

Kumpulan dan Syarikat membentangkan aset ROU di bawah harta tanah, loji dan peralatan di dalam penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada awalnya diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan merangkumi yang berikut:

- Bayaran tetap (termasuk pembayaran tetap asas), ditolak belum terima insentif pajakan; dan
- Harga pelaksanaan pembelian dan pelanjutan opsyen sekiranya Kumpulan dan Syarikat sewajarnya pasti melaksanakan opsyen tersebut.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Pajakan (sambungan)

Pembayaran pajakan didiskaunkan menggunakan kadar faedah yang ternyata di dalam pajakan. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, yang lazimnya berlaku bagi pajakan di dalam Kumpulan dan Syarikat, pinjaman tambahan pemajak digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh pemajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang sama bernilai dengan ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan terma, sekuriti dan syarat yang serupa.

Bayaran pajakan diperuntukkan di antara kos modal dan kewangan. Kos kewangan dicaj kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki liabiliti untuk setiap tempoh.

Kumpulan dan Syarikat membentangkan liabiliti pajakan di bawah belum bayar lain di dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dinyatakan di dalam kos kewangan di dalam penyata pendapatan.

Pajakan tempoh pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan tempoh pendek adalah pajakan dengan jangka masa pajakan 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah merangkumi peralatan pejabat. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tempoh pendek dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan garis lurus sebagai perbelanjaan untung atau rugi.

Dasar perakaunan ke atas perakaunan pemajak digunakan sehingga 31 Disember 2018

Pajakan kewangan

Setakat 31 Disember 2018, pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan dan Syarikat memiliki kesemua risiko dan ganjaran hak milik diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan.

Pajak kendalian

Pemajakan aset yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan ditahan oleh pemajak diklasifikasikan sebagai pajak kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajak kendalian (ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada penyata pendapatan atas asas garisan lurus selama tempoh pajakannya.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat dalam merunding dan melaksanakan pajakan operasi diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila tertanggung.

(u) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tanggungjawab undang-undang atau tanggungjawab konstruktif hasil daripada peristiwa lampau, yang mana ada kemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab itu, dan apabila amanannya boleh dianggar dengan tepat.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(v) Tunai dan setara tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, setara tunai disimpan untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukan untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, deposit panggilan yang disimpan di institusi-institusi kewangan yang mempunyai kemudahan asal tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

(w) Instrumen-instrumen kewangan

Keterangan

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan kepada suatu perusahaan dan pada masa yang sama, liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan ialah sebarang aset dalam bentuk tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada perusahaan lain, hak kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpontensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti yang merupakan tanggungjawab kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat yang berpontensi tidak bermanfaat.

Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan tertentu yang diguna pakai bagi instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam nota dasar perakaunan individu yang ada kaitan dengan setiap perkara.

Anggaran nilai saksama

Asas anggaran Kumpulan dan Syarikat untuk nilai saksama bagi instrumen-instrumen kewangan adalah seperti berikut:

- nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berdasarkan harga pasaran indikatif ;
- nilai saksama kertas Cagamas dan hutang korporat tidak disebut harga adalah berdasarkan hasil pasaran indikatif yang diperoleh daripada pengurus dana;
- nilai saksama sekuriti ekuiti disebut harga dan unit amanah adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga; dan
- amaun pembawaan bagi aset dan liabiliti kewangan lain dengan tempoh matang kurang daripada setahun adalah dianggap lebih kurang nilai saksamanya

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN GENTING

Anggaran dan penilaian dibuat secara berterusan oleh para Pengarah dan berasaskan pengalaman bersejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang diyakini sebagai berpatut mengikut keadaan.

(a) Anggaran dan andaian perakaunan genting

Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian berkenaan masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisi, amat jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk meningkatkan kandungan maklumat anggaran tersebut, beberapa boleh ubah penting tertentu yang dijangka akan mendatangkan kesan yang ketara ke atas keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah diuji bagi kepekaan terhadap perubahan dalam parameter yang menjadi dasarnya. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar untuk menyebabkan pelarasan ketara ke atas baki debit aset dan liabiliti dalam tempoh tahun depan digarisikan di bawah.

(i) Anggaran rosot nilai muhibah

Muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai ("CGU") bagi tujuan ujian kejejasan yang dilaksanakan di tahap terendah muhibah itu dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman. Ujian kejejasan dijalankan setiap tahun oleh Syarikat mengikut dasar-dasar perakaunannya dengan membandingkan amaun CGU yang boleh didapati kembali dengan amaun baki debit ditolak aset yang diperuntukkan kepada CGU, termasuk muhibah yang berkaitan.

Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan berdasar pengiraan nilai guna. Pengiraan itu memerlukan penggunaan anggaran. Rujuk Nota 5 kepada penyata kewangan berkaitan andaian utama yang diguna dalam pengiraan untuk CGU.

(ii) Liabiliti tuntutan

Nilai liabiliti tuntutan bagi setiap kelas perniagaan dianggarkan dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, yang secara umumnya berdasarkan analisa statistik tentang pengalaman bersejarah yang mengandaikan corak yang mendasari perkembangan dan pembayaran tuntutan, dan termasuk peruntukan untuk margin risiko bagi lencongan buruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM. PRAD ialah sebuah komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidakpastian yang wujud dalam anggaran terbaik liabiliti tuntutan itu. PRAD juga merupakan komponen tambahan nilai liabiliti yang bertujuan untuk memastikan nilai liabiliti tuntutan ditetapkan pada tahap yang menghasilkan tahap keyakinan (atau kebarangkalian) yang lebih tinggi sehingga akhirnya peruntukan akan menjadi mencukupi. Anggaran muktamad yang terpilih adalah berdasarkan pertimbangan penilaian keputusan terhadap setiap kaedah dan maklumat kualitatif, sebagai contoh, kelas perniagaan, tarikh matang portfolio dan jangkaan terma penyelesaian kelas tersebut. Unjurian adalah berdasarkan pengalaman bersejarah dan penanda aras luaran jika berkaitan.

Disebabkan akibat liabiliti tuntutan muktamad bergantung pada keputusan peristiwa masa depan seperti saiz anugerah mahkamah, sikap pihak menuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka, dan inflasi sosial dan ekonomi, wujud ketidakpastian dalam mana-mana anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, terdapat batas bagi ketepatan anggaran tersebut. Malah, sudah pasti kerugian sebenar masa depan dan belanja pelarasan kerugian tidak akan berkembang persis seperti yang diunjurkan dan ia mungkin jauh berbeza daripada unjurian itu.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN GENTING (SAMBUNGAN)

(a) Anggaran dan andaian perakaunan genting (sambungan)

(iii) Liabiliti pajakan

Kadar pinjaman tambahan untuk pembayaran pajakan ditentukan berdasarkan kadar pinjaman purata komersial. Kumpulan dan Syarikat menggunakan 5.05% setahun sebagai kadar pinjaman tambahan purata wajaran pemajak bagi liabiliti pajakan, yang merupakan kadar pinjaman purata komersial.

Dalam menentukan tempoh pajakan, pihak pengurusan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk melaksanakan opsyen lanjutan, atau tidak menggunakan opsyen penamatian. Opsyen lanjutan (atau tempoh selepas opsyen penamatian) hanya dimasukkan di dalam tempoh pajakan sekiranya pajakan sewajarnya pasti akan dilanjutkan (atau tidak akan ditamatkan).

(b) Petimbangan kritikal dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat

Dalam penentuan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan, pertimbangan sering diperlukan berhubung perkara-perkara di mana pilihan dasar tertentu boleh menjelaskan secara ketara keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dilaporkan.

Tiada petimbangan kritikal digunakan dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN

Harta tanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada aset dimiliki dan pajakan.

	Kumpulan / Syarikat		
	Dinyatakan semula		
	<u>2019</u> RM'000	<u>1.1.2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
Harta, loji dan peralatan dimiliki	9,626	10,295*	17,609
Hak penggunaan ("ROU") aset	16,206	21,675	-
	<u>25,832</u>	<u>31,970</u>	<u>17,609</u>

*Tanah dan bangunan pegangan pajak telah dipindahkan ke Hak Penggunaan ('ROU') Aset setelah penerima-pakai MFRS 16 berkuatkuasa 1 Januari 2019.

Harta, loji dan peralatan dimiliki

	Tanah pajakan dan <u>bangunan</u> RM'000	Perabot dan <u>lekanan</u> RM'000	Kenderaan <u>bermotor</u> RM'000	Peralatan pejabat dan <u>komputer</u> RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan / Syarikat					
Kos					
Pada 31 Disember 2018	9,000	11,107	2,645	39,966	62,718
Kesan mengguna-pakai MFRS 16 (Nota 35)	(9,000)	-	-	-	(9,000)
Pada 1 Januari 2019	-	11,107	2,645	39,966	53,718
Tambahan	-	242	18	5,075	5,335
Pelupusan	-	-	(21)	(758)	(779)
Hapus kira	-	(5)	-	(148)	(153)
Pada 31 Disember 2019	-	11,344	2,642	44,135	58,121
Susut nilai terkumpul					
Pada 31 Disember 2018	1,686	10,226	923	32,274	45,109
Kesan mengguna-pakai MFRS 16 (Nota 35)	(1,686)	-	-	-	(1,686)
Pada 1 Januari 2019	-	10,226	923	32,274	43,423
Caj bagi tahun	-	418	481	5,088	5,987
Pelupusan	-	-	(21)	(755)	(776)
Hapus kira	-	(5)	-	(134)	(139)
Pada 31 Disember 2019	-	10,639	1,383	36,473	48,495

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Harta, loji dan peralatan dimiliki (sambungan)

	Tanah pajakan dan <u>bangunan</u> RM'000	Perabot dan <u>lekanan</u> RM'000	Kenderaan <u>bermotor</u> RM'000	Peralatan pejabat dan <u>komputer</u> RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2018	7,314	881	1,722	7,692	17,609
Kesan mengguna-pakai MFRS 16 (Nota 35)	(7,314)	-	-	-	(7,314)
Pada 1 Januari 2019	-	881	1,722	7,692	10,295
Pada 31 Disember 2019	-	705	1,259	7,662	9,626
Kos					
Pada 1 Januari 2018	9,000	11,034	2,745	41,245	64,024
Tambahan	-	115	997	872	1,984
Pelupusan	-	-	(1,097)	(19)	(1,116)
Hapus kira	-	(42)	-	(2,132)	(2,174)
Pada 31 Disember 2018	9,000	11,107	2,645	39,966	62,718
Susut nilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2018	1,442	8,272	1,250	27,581	38,545
Caj bagi tahun	244	1,996	567	5,937	8,744
Pelupusan	-	-	(894)	(9)	(903)
Hapus kira	-	(42)	-	(1,235)	(1,277)
Pada 31 Disember 2018	1,686	10,226	923	32,274	45,109
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2018	7,314	881	1,722	7,692	17,609

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

5 HARTA, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Hak penggunaan ("ROU") aset

	Tanah pajakan dan <u>bangunan</u> RM'000	Hartanah RM'000	Jumlah RM'000
<u>Penilaian/Kos</u>			
Pada 31 Disember 2018	-	-	-
Kesan mengguna-pakai MFRS 16 (Nota 35)	9,000	21,450	30,450
Pada 1 Januari 2019	9,000	21,450	30,450
Tambahan	-	1,064	1,064
Pelupusan	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	<u>9,000</u>	<u>22,514</u>	<u>31,514</u>

Susut nilai terkumpul

Pada 31 Disember 2018	-	-	-
Kesan mengguna-pakai MFRS 16 (Nota 35)	1,686	7,089	8,775
Pada 1 Januari 2019	1,686	7,089	8,775
Caj bagi tahun	243	6,290	6,533
Pelupusan	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	<u>1,929</u>	<u>13,379</u>	<u>15,308</u>

Nilai buku bersih

Pada 31 Disember 2018/1 Januari 2019	7,314	14,361	21,675
Pada 31 Disember 2019	<u>7,071</u>	<u>9,135</u>	<u>16,206</u>

	<u>Kumpulan / Syarikat</u>	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000	
Perbelanjaan faedah	559	-	
Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan	5,995	-	

Pajakan Kumpulan dan Syarikat merangkumi pelbagai pejabat dan premis. Kontrak pajakan biasanya dibuat untuk jangka masa tetap selama 2 hingga 5 tahun tetapi mungkin mempunyai opsyen lanjutan.

Opsi pelanjutan dan penamatan dimasukkan ke dalam beberapa pajakan harta tanah. Tempoh pajakan sebegini digunakan untuk memaksimumkan fleksibiliti operasi dari segi menguruskan kontrak.

Di mana Syarikat tidak sewajarnya pasti untuk melaksanakan opsyen tempoh lanjutan pajakan, pembayaran yang berkaitan dengan tempoh opsyen tidak dimasukkan ke dalam liabiliti pajakan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

5 ASET TIDAK KETARA

	<u>Kumpulan / Syarikat</u>	
	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
Kos:		
Pada 1 Januari / 31 Disember	<u>179,943</u>	<u>179,943</u>

Muhibah bagi Kumpulan dan Syarikat timbul daripada pemerolehan perniagaan Amanah General Insurance (M) Bhd ("AGIB"), Asia Insurance (M) Bhd ("AIMB") dan MUI Continental Insurance Berhad ("MUI") masing-masing pada 2002, 2007 dan 2012. Pada 31 Disember 2019, amaan pembawaan muhibah yang berbangkit daripada pemerolehan AGIB, AIMB dan MUI kekal pada RM13,666,666 (2018: RM13,666,666), RM13,263,065 (2018: RM13,263,065) dan RM153,013,485 (2018: RM153,013,485) masing-masing.

Muhibah telah diperuntukkan kepada unit penjana tunai, sebagai perniagaan insurans am yang disatukan secara keseluruhannya. Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan atas dasar perkiraan nilai guna. Perkiraan ini menggunakan unjuran aliran tunai pra-cukai berdasarkan bajet kewangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang merangkumi tempoh tiga tahun bagi 2018 hingga 2020, ditentukan oleh keuntungan yang dibajet berdasarkan prestasi terdahulu pihak pengurusan dan jangkaan pihak pengurusan terhadap perkembangan pasaran. Aliran tunai selepas tempoh tiga tahun ini di ekstrapolasi menggunakan kadar pertumbuhan kekal.

Andaian utama yang diguna dalam kiraan nilai guna adalah seperti berikut:

- (a) Pertumbuhan premium pada kadar purata 5.7% (2018: 6.5%) setahun telah diunjur pada asas jangkaan pihak pengurusan tentang perkembangan pasaran dengan mengambil kira rancangan perniagaan yang menggambarkan rancangan perluasan dan sinergi masa depan hasil daripada integrasi perniagaan yang diperoleh dengan perniagaan Syarikat yang sedia ada. Kadar pertumbuhan purata wajaran adalah konsisten dengan ramalan-ramalan yang disertakan dalam laporan industri, diselaraskan dengan corak terdahulu dan jangkaan cawangan-cawangan Syarikat.
- (b) Nisbah kerugian sebanyak 61% (2018: 60%) setahun telah diunjur selepas mengambil kira strategi pengurusan bagi pertumbuhan premium serta perkembangan masa lampau berhubung corak pertumbuhan kerugian. Nisbah kerugian dijangka kekal pada tahap sedia ada.
- (c) Kadar diskon sebanyak 10% (2018: 10%) yang diguna adalah sebelum cukai dan memaparkan keseluruhan purata wajaran kos modal bagi industri insurans am.
- (d) Nilai terminal dianggarkan berdasarkan kadar pertumbuhan margin kekal sebanyak 5% (2018: 5%) setahun.

Jumlah boleh dipulih CGU dianggarkan berjumlah RM1,547,000,000 (2018: RM1,979,000,000).

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

5 ASET TIDAK KETARA (SAMBUNGAN)

Pihak Pengurusan telah melakukan analisa sensitiviti terhadap andaian utama dan percaya bahawa perubahan yang munasabah dalam kedua-dua andaian utama di bawah boleh menyebabkan jumlah boleh dipulih untuk menyamai jumlah bawaannya. Pihak Pengurusan tidak mengenal pasti sebarang kemungkinan untuk perubahan yang munasabah dalam andaian utama yang lain untuk menyebabkan jumlah boleh dipulih CGU menjadi lebih rendah daripada jumlah bawaannya.

	2019		2018	
	Dari %	Hingga %	Dari %	Hingga %
Nisbah kerugian	61.0	63.9	60.0	65.0
Kadar pertumbuhan margin kekal	5.0	2.4	5.0	1.1

6 PELABURAN

Pelaburan kewangan Kumpulan dan Syarikat diringkaskan mengikut kategori seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aset kewangan tersedia dijual (“AFS”)	1,656,128	1,645,935	1,675,858	1,685,632
Pinjaman dan belum terima (“LAR”) (Nota 10)	427,618	387,820	406,550	347,817
	<u>2,083,746</u>	<u>2,033,755</u>	<u>2,082,408</u>	<u>2,033,449</u>

Semasa:

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
AFS	73,650	55,041	138	1,423
LAR	368,548	324,241	347,480	284,238
	<u>442,198</u>	<u>379,282</u>	<u>347,618</u>	<u>285,661</u>

Bukan semasa:

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
AFS	1,582,478	1,590,894	1,675,720	1,684,209
LAR	59,070	63,579	59,070	63,579
	<u>1,641,548</u>	<u>1,654,473</u>	<u>1,734,790</u>	<u>1,747,788</u>

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(a) Tersedia untuk dijual ("AFS")

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<u>Nilai saksama</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	121,419	137,658	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	113,743	73,321	-	-
Sekuriti hutang korporat:				
Tidak disebut	1,163,688	1,133,470	-	-
	1,398,850	1,344,449	-	-
Amanah saham	239,940	283,599	239,940	283,599
Entiti berstruktur terkawal (Nota 7)	-	-	1,435,780	1,400,610
	1,638,790	1,628,048	1,675,720	1,684,209
<u>Pendapatan faedah terakru</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,524	1,761	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,531	1,266	-	-
Sekuriti hutang korporat:				
Tidak disebut	14,145	13,437	-	-
	17,200	16,464	-	-
<u>Pendapatan dividen terakru</u>				
Amanah saham	138	1,423	138	1,423
	1,656,128	1,645,935	1,675,858	1,685,632

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(b) Nilai dibawa aset kewangan

<u>Kumpulan</u>	<u>AFS</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Pada 1 Januari 2018	1,611,536	1,611,536
Pembelian	648,614	648,614
Pelupusan	(618,596)	(618,596)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam:		
Pendapatan komprehensif lain	5,714	5,714
Pergerakan dalam pendapatan faedah kena dibayar dan terakru	(1,333)	(1,333)
Pada 31 Disember 2018	<u>1,645,935</u>	<u>1,645,935</u>
Pada 1 Januari 2019	1,645,935	1,645,935
Pembelian	467,779	467,779
Pelupusan	(488,759)	(488,759)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam:		
Pendapatan komprehensif lain	34,108	34,108
Pergerakan dalam pendapatan faedah kena dibayar dan terakru	(2,935)	(2,935)
Pada 31 Disember 2019	<u>1,656,128</u>	<u>1,656,128</u>

Syarikat

Pada 1 Januari 2018	1,655,510	1,655,510
Pembelian	290,725	290,725
Pelupusan	(271,284)	(271,284)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam:		
Pendapatan komprehensif lain	9,258	9,258
Pergerakan dalam pendapatan faedah kena dibayar dan terakru	1,423	1,423
Pada 31 Disember 2018	<u>1,685,632</u>	<u>1,685,632</u>
Pada 1 Januari 2019	1,685,632	1,685,632
Pembelian	73,728	73,728
Pelupusan	(122,241)	(122,241)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam:		
Pendapatan komprehensif lain	40,024	40,024
Pergerakan dalam pendapatan	(1,285)	(1,285)
Pada 31 Disember 2019	<u>1,675,858</u>	<u>1,675,858</u>

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(c) Nilai saksama aset kewangan

Jadual berikut menunjukkan pelaburan yang dicatat pada nilai saksama, dianalisa menerusi beberapa asas nilai saksama seperti berikut:

<u>Kumpulan</u>	<u>Tahap 1</u> RM'000	<u>Tahap 2</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<u>31 Disember 2019</u>			
<u>Aset kewangan</u>			
Aset kewangan tersedia dijual:			
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	122,943	122,943
- Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	115,274	115,274
- Sekuriti hutang korporat	-	1,177,833	1,177,833
- Amanah saham	240,078	-	240,078
	<u>240,078</u>	<u>1,416,050</u>	<u>1,656,128</u>

31 Disember 2018

Aset kewangan

Aset kewangan tersedia dijual:

- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	139,419	139,419
- Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	74,587	74,587
- Sekuriti hutang korporat	-	1,146,907	1,146,907
- Amanah saham	285,022	-	285,022
	<u>285,022</u>	<u>1,360,913</u>	<u>1,645,935</u>

Syarikat

Tahap 1
RM'000

31 Disember 2019

Aset kewangan

Aset kewangan tersedia dijual:

- Amanah saham		240,078
- Entiti berstruktur terkawal		1,435,780
	<u>285,022</u>	<u>1,675,858</u>

31 Disember 2018

Aset kewangan

Aset kewangan tersedia dijual:

- Amanah saham		285,022
- Entiti berstruktur terkawal		1,400,610
	<u>285,022</u>	<u>1,685,632</u>

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(c) Nilai saksama aset kewangan (sambungan)

Tiada pelaburan dipegang oleh Kumpulan dan Syarikat yang diklasifikasi di bawah Tahap 3 pada 31 Disember 2019 (2018: Tiada).

Tahap 1

Termasuk dalam kategori harga sebutan adalah instrumen kewangan yang diukur secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk pada sebutan yang diterbitkan di pasaran aktif. Sebuah instrumen kewangan dianggap sebagai disebut di pasaran aktif jika harga sebutan sentiasa boleh didapati secara tetap daripada sebuah bursa, pasaran peringkat kedua menerusi wakil penjual dan broker, perkhidmatan penentuan harga atau agensi kawal selia dan harga-harga tersebut mewakili urusniaga pasaran sebenar yang sering berlaku pada atas urus niaga tulus. Ini dianggap sebagai atas penilaian Tahap 1.

Tahap 2

Instrumen kewangan yang diukur menggunakan teknik penilaian berdasarkan andaian-andaian yang disokong oleh harga-harga daripada urusniaga pasaran semasa yang boleh diperhati adalah instrumen-instrumen yang harganya diperoleh menerusi perkhidmatan penentuan harga tetapi bagi harga yang belum ditetapkan dalam pasaran aktif, instrumen-instrumen dengan nilai saksamanya berdasarkan sebutan broker, pelaburan dalam amanah saham dan harta dengan nilai saksamanya diperoleh daripada pengurus dana, instrumen-instrumen yang dinilai menggunakan model Syarikat sendiri yang mana kebanyakan andaian adalah boleh diperhati di pasaran dan dianggap sebagai atas penilaian Tahap 2.

Tahap 3

Pelaburan yang diklasifikasikan dalam rangkuman Tahap 3 mempunyai input-input yang tidak boleh diperhati dengan ketara oleh kerana ia tidak kerap didagangkan. Instrumen-instrumen Tahap 3 termasuk sekuriti peribadi tidak disebut. Oleh kerana harga-harga boleh diperhati tidak boleh didapati bagi sekuriti-sekuriti tersebut, teknik penilaian diguna untuk mendapatkan nilai saksama. Tiada pelaburan yang dinilai menggunakan atas ini sepanjang tahun.

Tiada pindahan aset kewangan antara tahap berlaku pada sepanjang tahun.

7 ENTITI BERSTRUKTUR TERKAWAL

Syarikat telah menetapkan bahawa pelaburannya dalam dana amanah saham borong berjumlah RM1,435,780,345 (2018: RM1,400,610,125) seperti yang didedahkan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan sebagai pelaburan dalam entiti-entiti berstruktur ("dana penerima pelaburan"). Syarikat melabur dalam dana penerima pelaburan yang objektifinya untuk mencapai pertumbuhan modal berjangka sederhana dan panjang dan strategi pelaburannya tidak termasuk penggunaan keumpilan. Dana penerima pelaburan diurus oleh Opus Asset Management Sdn Bhd dan menggunakan pakai beberapa strategi pelaburan untuk mencapai objektif pelaburan masing-masing. Dana penerima pelaburan membayai operasinya menerusi dana amanah saham penerima pelaburan yang melayakkan pemegangnya kepada hasil pembolehubah dan nilai saksama dalam aset bersih dana penerima pelaburan masing-masing.

No. Syarikat

198601000381 (149520-U)

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019
(SAMBUNGAN)

7 ENTITI BERSTRUKTUR TERKAWAL (SAMBUNGAN)

Syarikat memegang 100% dalam Opus Income Fund, 100% dalam Opus Specific Income Fund dan 100% dalam Opus Low Risk Asset Fund, dengan semua dana ditubuh di Malaysia, dan dengan itu mempunyai kuasa ke atas dana-dana penerima pelaburan ini. Syarikat terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap hasil pembolehubah daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mendatangkan kesan ke atas hasil tersebut menerusi kuasanya ke atas entiti itu.

Kesemua dana-dana diaudit oleh PricewaterhouseCoopers PLT.

